

“DIRIWAYATKAN oleh Abi Abdullah Jabir bin Abdullah al-Ansari Radiallahuanha, bahawa seseorang bertanya kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, katanya : “Bagaimana pendapatmu jika saya melakukan solat fardu, berpuasa pada bulan Ramadan, menghalalkan yang halal, dan mengharamkan yang haram, serta tidak menambahkan selain itu sedikit pun, adakah saya masuk syurga?”  
Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam menjawab: “Ya!””

- Hadis Riwayat Muslim

## BERANGKAT TIBA DI BANGKOK, THAILAND

Siaran Akhbar :  
Jabatan Perdana Menteri

**BANGKOK, THAILAND,** Ahad, 28 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di Bangkok, Thailand bagi mengadakan Keberangkatan Rasmi selama dua hari yang bermula hari ini hingga 29 April 2024.

>> Muka 2

**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di Bangkok, Thailand bagi mengadakan Keberangkatan Rasmi selama dua hari. - Foto : Mohamad Azmi Awang Damit.



## Perasmian Projek Borneo Pulau Bersejarah

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 27 April. - Dalam usaha membarigakan hasil pengkajian dan penyelidikan bahan-bahan persejarahan Negara Brunei Darussalam (NBD); sejarah Kesultanan Brunei; dan sejarah Borneo, Projek Borneo Pulau Bersejarah merupakan salah satu usaha dalam pendokumentasian hasil pengkajian dan penyelidikan bahan-bahan persejarahan NBD, Kesultanan Brunei dan sejarah Borneo.

Dengan membawakan tema 'Sejarah Memperkasa Hubungan Seborneo', projek yang julung kalinya diadakan ini diselenggarakan oleh Pusat Sejarah Brunei (PSB) melalui Bahagian Pusat Pengkajian Borneo (penBORNEO) ini akan berlangsung selama dua hari bermula hari ini hingga 28 April 2024.

>> Muka 6

## Zikir penguat iman, hubungan manusia dengan Allah

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**MERAGANG,** Sabtu, 27 April. - Zikir merupakan salah satu bentuk ibadah yang sangat dianjurkan dan memiliki nilai yang tinggi. Terdapatnya banyak ayat dalam kitab Al-Quran, Allah Subhanahu Wata'ala mengajak umat manusia untuk berzikir dan mengingat-Nya secara terus-menerus.

Manfaat zikir juga menjadi cara untuk memperkuat hubungan seseorang dengan Allah Subhanahu Wata'ala dan dapat membantu seseorang untuk mendekati

diri kepada-Nya.

Demikian antara pengisian tazkirah yang disampaikan oleh Ketua Bahagian Kemajuan Syiar Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Aziman bin Haji Awang Zaman pada Majlis Perhimpunan Malam Munajat Kali Ke-132 diadakan pada malam tadi secara fizikal dengan tumpuan utama di Masjid Az-Zakireen, Meragang, di sini.

>> Muka 4

## Pembukaan Blok Baharu Pusat Kesihatan Jubli Perak

Oleh : Aimi Sani

**SENGKURONG,** Sabtu, 27 April. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terus menitikberatkan dan memedulikan hal ehwal kesihatan rakyat dan penduduk di negara ini.

Oleh yang demikian, bagi menambah baik perkhidmatan yang sedia ada, Projek Blok Baharu Pusat Kesihatan Jubli Perak, Sengkurong yang menelan belanja sebanyak lebih BND3.1 juta di atas tapak seluas 0.727 ekar telah pun siap dibina pada 1 Mei 2023 iaitu mengambil masa lebih kurang dua tahun pembinaannya. Bangunan tersebut mula

dibina pada 6 Mei 2021 dan termasuk dalam Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-11.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan lewat petang tadi mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Perasmian Pembukaan Blok Baharu Pusat Kesihatan Jubli Perak, Sengkurong yang bertempat di Pusat Kesihatan Jubli Perak, Sengkurong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

>> Muka 5



## Berita Utama



MENDUKUNG usaha memajukan pembangunan belia

Muka 7



AWANG Hilmy calon tunggal Ketua Kampung Kawasan 3, RPN Panchor

Muka 9



ASTERAWANI meriahkan Gema Raya Aidilfitri

Muka 12



RENCANA

PLANET lawan plastik

Muka 20

# Berangkat tiba di Bangkok, Thailand

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas

## >> Muka 1

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Suvarnabhumi International Airport, Bangkok dialu-alukan oleh Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Srettha Thavisin.

Kebawah DYMM kemudiannya disembahkan kepada Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Tenaga, Tuan Yang Terutama Pirapan Salirathavibhaga, selaku Menteri Pengiring; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand

ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Puan Yang Terutama Boosara Kanchanalai.

Juga hadir bagi menjunjung keberangkatan tiba Kebawah DYMM ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Thailand, Tuan Yang Terutama Pengiran Haji Sahari bin Pengiran Haji Salleh.

Tahun 2024 menandakan Ulang Tahun Ke-40 Hubungan Diplomatik antara NBD dan Thailand sejak dijalinan pada 1 Januari 1984.

Keberangkatan Rasmi ini juga akan memberi peluang kepada kedua-dua buah negara untuk membincangkan isu-isu dua hala, serantau dan antarabangsa yang berkepentingan bersama.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah. Turut berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.**



## WAKTU SEMBAHYANG

April MASIHI	HARI	Syawal HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
29	ISNIN	19	4.39	4.49	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26	7.38
30	SELASA	20	4.39	4.49	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26	7.38
1 (Mei)	RABU	21	4.38	4.48	6.09	6.32	12.18	3.36	6.26	7.38
2	KHAMIS	22	4.38	4.48	6.08	6.31	12.18	3.36	6.26	7.38
3	JUMAAT	23	4.38	4.48	6.08	6.31	12.18	3.36	6.26	7.38
4	SABTU	24	4.37	4.47	6.08	6.31	12.18	3.36	6.26	7.38
5	AHAD	25	4.37	4.47	6.08	6.31	12.18	3.37	6.26	7.38

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

	ISNIN	SELASA	RABU
Bandar Seri Begawan	32 25 °C 	34 26 °C 	33 25 °C 
Pekan Bangar	32 25 °C 	35 25 °C 	34 25 °C 
Pekan Tutong	31 25 °C 	33 25 °C 	32 25 °C 
Kuala Belait	31 25 °C 	33 25 °C 	32 25 °C 

Wallahualam Bissawab

Sumber : Perkhidmatan Kajuca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.met.gov.bn

## SIDANG PENGARANG

29 APRIL 2024

### Terapkan adab, tatasusila mulia

**T**IDAK terasa kita sudah memasuki minggu ketiga di bulan Syawal yang mulia ini. Sudah setentunya orang ramai masih tidak ketinggalan mengadakan rumah-rumah terbuka menjemput sanak saudara, sahabat handai untuk memeriahkan lagi Hari Raya Aidilfitri.

Dalam kemeriahan bulan Syawal ini, kita sebagai umat Islam perlu menjaga batas dan apa yang paling penting adalah menjaga adab semasa berkunjung ke rumah orang.

Tidak dinafikan dalam kegembiraan ini kita terkadang lupa dan leka namun kita perlu sentiasa beringat-ingat untuk menjaga tatasusila dan adab pada setiap masa walaupun bukan di musim perayaan.

Islam menggalakkan umatnya hormat-menghormati dan antara cara untuk merapatkan lagi hubungan silaturahim ini adalah dengan berkunjung-kunjungan.

Sebagai tetamu, kita mesti menghormati tuan rumah dengan meminta izin atau memaklumkan kepada tuan rumah sebelum bertandang ke rumahnya

Tetamu digalakkan memberi salam maksimumnya sebanyak tiga kali, namun jika tiada jawapan, tetamu boleh beredar.

Dalam pada itu juga, para tetamu tidak berkelakuan kurang sopan semasa berkunjung dan memakai pakaian yang sesuai dan sopan agar tidak menyebabkan suasana tidak selesa dalam rumah.

Selain itu, adab dan tatasusila yang perlu kita tekankan adalah menjaga tingkah laku dan pandangan. Sebagai tetamu, perlulah menjaga, mengawal pandangan dan tingkah laku. Hal ini kerana seseorang tetamu yang tidak memelihara adab tertib akan mengganggu dan tidak disenangi tuan rumah.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menyarankan kita duduk di tempat yang dihaskan oleh tuan rumah apabila berziarah seperti maksud hadis diriwayatkan oleh Imam Muslim : "Sesiapa yang memasuki majlis sesuatu kaum, hendaklah dia duduk di tempat yang disediakan kerana kaum itu (tuan rumah) lebih mengetahui aib rumah mereka".

Semasa berkunjung juga, kita perlu memilih masa ziarah yang sesuai agar tidak mengganggu waktu makan, waktu rehat, solat dan tidur tuan rumah.

Perbualan dan berkomunikasi semasa berkunjung juga perlu diterapkan dengan kesantunan budi bahasa agar kedua pihak rasa selesa.

Tetamu membawa berkat dalam kehidupan. Dengan itu, sewajarnya mereka dimuliakan dengan layanan yang baik. Kehadiran tetamu merupakan peluang kepada tuan rumah untuk meraih pahala dan begitu juga dengan tetamu untuk sentiasa menghormati tuan rumah. - **Ketua Penyuntingan (Kr)**

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNGI AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

تربيتكن اوله جابتن فتراغن، جابتن فردان منترى دان دچيتق اوله فرين ت قس سنديرين برحد، نكارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# KEBERANGKATAN RASMI KE BANGKOK, THAILAND



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat bertolak dari Bandar Seri Begawan ke Bangkok bagi mengadakan Keberangkatan Rasmi ke Thailand selama dua hari. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (kiri). Sementara gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan paduka-paduka anakanda baginda menadah tangan ketika doa dibacakan.

Oleh : Haniza Abdul Latif,  
Pg. Siti Redzaimi Pg.Haji Ahmad  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi  
Awang Abdul Hamid,  
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman,  
Alishahrin Haji Mumin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 28 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat bertolak dari Bandar Seri Begawan ke Bangkok petang tadi bagi mengadakan Keberangkatan Rasmi ke Thailand selama dua hari yang bermula hari ini hingga esok, 29 April 2024.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sebelum berangkat dari Istana Nurul Iman, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Berangkat di Hangar



BAGINDA dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan menerima junjung ziarah.

Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Rimba bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah DYMM ialah ahli-ahli kerabat diraja.

Berangkat sama dan hadir ialah Yang Amat Mulia Pengiran-

pengiran Cheteria; Menteri-menteri Kabinet; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja; Timbalan-timbalan Menteri; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pemangku Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei.



Berangkat di Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Rimba bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah DYMM ialah ahli-ahli kerabat diraja (kanan). Manakala gambar kiri, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

# ZIKIR PENGUAT IMAN, HUBUNGAN MANUSIA DENGAN ALLAH



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

## >> Muka 1

Selain itu, Awang Haji Aziman menjelaskan bahawa zikir juga dianggap sebagai bentuk pengingat diri untuk selalu mengingat Allah Subhanahu Wata'ala dalam segala aspek kehidupan, baik dalam keadaan senang mahupun sedih, suka mahupun duka. Dalam Islam, tambahnya, zikir juga

dianggap sebagai sarana untuk membersihkan hati dari segala macam keburukan dan menguatkan iman seseorang.

Menurutnya, secara praktiknya, zikir dilakukan dengan mengucapkan lafaz atau kalimat-kalimat tertentu secara terus menerus dengan niat dan kesedaran penuh. Beberapa contoh zikir yang sering dilakukan

**YANG** Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa hadir bagi mengimarahkan majlis anjuran KHEU dengan kerjasama Kementerian Pembangunan pada Majlis Perhimpunan Malam Munajat Kali Ke-132.

antara lain *Subhanallah* (Maha Suci Allah), *Alhamdulillah* (Segala puji bagi Allah), *Allahuakbar* (Allah Maha Besar), *La ilaha illa Allah* (Tidak ada Tuhan selain Allah), dan *Astaghfirullah*.

Hadir mengimarahkan majlis anjuran KHEU dengan kerjasama Kementerian Pembangunan ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Menteri Pembangunan Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah

Al-Fatihah dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh Awang Abd. Halim bin Haji Jainih @ Zaini yang merupakan qari dari Kementerian Pembangunan.

Majlis diteruskan dengan Doa Munajat dibacakan oleh Pengarah Pusat Pengajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Haji Mohammad Azmi bin Haji Omar.

Majlis diimarahkan dengan bacaan Selawat Tafriyyah oleh para pegawai dan kakitangan

Kementerian Pembangunan dan kemudiannya diakhiri dengan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Az-Zakireen, Meragang, Awang Haji Nurhidayatullah bin Haji Zulkifli.

Turut hadir, warga kerja dari KHEU dan Kementerian Pembangunan. Juga menyemarakkan, Ahli Jawatankuasa Takmir dan jemaah yang hadir secara fizikal di Masjid Az-Zakireen, Meragang mahupun secara maya dari masjid-masjid termasuk surau dan balai ibadah di seluruh negara serta dari rumah-rumah persendirian.



TAKZIRAH disampaikan oleh Ketua Bahagian Kemajuan Syiar Islam, KHEU, Awang Haji Aziman bin Haji Awang Zaman.

## Mensyukuri keberadaan masjid di bawah tadahan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 27 April. - Semua masjid, surau dan balai ibadat yang ada itu selayaknya disyukuri oleh penduduk dalam kawasan tadahan atau 'qaryah'nya. Dengan berpegang kepada konsep bersyukur yang sebenarnya untuk tidak sahaja meraih pahala bahkan untuk memperoleh nilai tambah yang dijanjikan oleh Allah dengan mensyukuri keberadaan masjid secara yang sedemikian itu.

Sebaliknya bagi mengelakkan kemurkaan Allah apabila keberadaan masjid yang sayugia disyukuri namun sebaliknya dikufuri. Mengkufuri keberadaannya itu ialah secara tidak mengambil peduli terhadapnya lalu tidak merasakan atau memberikan respons dan sikap turut sama bertanggungjawab menjayakan tujuan keberadaannya bahkan sebaliknya mengabaikan, mensia-siakan apatah lagi jika sampai menyalahgunakannya.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku tetamu kehormat seterusnya menyeru orang ramai mensyukuri keberadaan masjid-masjid oleh sekalian yang berkenaan selain penduduk dalam tadahan kawasan 'qaryah' masjid, Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanah Bolkiah yang bersempena 'berkukna' daya baik ini.

"Seyogianya juga dihayati dengan baik oleh pihak-pihak berkenaan terutama sekali pihak-pihak pengurusan pada peringkat kepimpinan masjid iaitu pegawai-pegawainya yang terdiri daripada imam dan kerabat setugasnya bersama ahli-ahli segenap peringkat kepimpinan jawatankuasa takmirnya," tambah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa



**YANG** Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan ucapannya pada Majlis Sambutan Memperingati Penggunaan Bangunan Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanah Bolkiah, Kampung Jangsak Ke-25 Tahun dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri (atas dan kanan).

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali  
Foto : Ihsan Haji Mohd. Rudy Haji Samsudin

menyampaikan ucapan pada Majlis Sambutan Memperingati Penggunaan Bangunan Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanah Bolkiah, Kampung Jangsak Ke-25 Tahun dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri, baru-baru ini.

Adapun majlis anjuran Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanah Bolkiah, Kampung Jangsak ini adalah untuk memperingati sempena 25 tahun penggunaan masjid berkenaan, juga mengenang jasa mantan-mantan dan bilal yang pernah bertugas di masjid ini selain merealisasikan masjid berkenaan sebagai tempat pusat ilmu, dengan hasrat agar ia akan berfungsi sebagai pusat pertemuan masyarakat dan penduduk.

Sementara itu, untuk menjadikan masjid ini tempat beribadah yang kondusif, selesa dan menarik minat penduduk dan pengunjungnya dan



rasa kekitaan dan mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan ahli jawatankuasa takmir masjid, penduduk kampung dan sekitarnya dalam sama-sama mengimarahkan masjid.

Majlis juga turut diserikan dengan Majlis Khatam Al-Quran dan penyampaian derma anak yatim bagi Kampung Jangsak.

Masjid ini dibangunkan dengan kutipan dana sebagai pesambah daripada Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap semua peringkat dan lapisan pegawai-pegawai kerajaan, semua peringkat dan lapisan anggota dalam Pasukan Polis Diraja Brunei dan anggota dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Pembinaannya telah siap pada 27 September 1997 dengan kos sebanyak lebih BND4,136,070.


**سوروهنجاي فرخدمتن عوام**  
 SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
 JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
 WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

## TIPS MEMUAT NAIK

PENTING: Pastikan menggunakan pelayar seperti Google Chrome / Mozilla Firefox / Safari

- #1** Format fail yang betul

PDF: Kad Pengenalan, Lesen Memandu, Sijil, Transkrip & Lain-lain Dokumen

JPG / PNG: Gambar Berukuran Passport (Gambar Profil)
- #2** Saiz fail tidak melebihi 3MB
- #3** Dokumen yang diimbas hendaklah dalam versi asal / berwarna
- #4** Nama fail tidak mengandungi sebarang simbol dan jarak (space)

# PEMBUKAAN BLOK BAHARU PUSAT KESIHATAN JUBLI PERAK



**YANG** Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat Majlis Doa Kesyukuran sempena Perasmian Pembukaan Blok Baharu Pusat Kesihatan Jubli Perak, Sengkurong yang bertempat di Pusat Kesihatan Jubli Perak, Sengkurong (atas dan kanan).

## >> Muka 1

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dibacakan oleh Imam Tingkat 1, Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurong, Awang Haji Mohd. Zaidin bin Haji Mohd. Noor dan diikuti dengan lawatan ke Blok Baharu Pusat Kesihatan Jubli Perak, Sengkurong yang diketuai oleh tetamu kehormat majlis.

Antara perkhidmatan yang dipindahkan dan disediakan di Blok Baharu Pusat Kesihatan Jubli Perak, Sengkurong adalah seperti berikut iaitu Kaunter Pendaftaran Pesakit (kecuali pendaftaran bagi Klinik Pergigian yang kekal di lokasi sekarang); Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Asasi iaitu Klinik Umum dan Klinik Flu serta Perkhidmatan Kesihatan Ibu dan

Anak.

Manakala perkhidmatan-perkhidmatan yang masih dikekalkan di blok yang sedia ada adalah Perkhidmatan Pengambilan Contoh Darah; Perkhidmatan Farmasi; Perkhidmatan Klinik Pergigian; Perkhidmatan Pemakanan Komuniti; Perkhidmatan Klinik Mata Komuniti dan Perkhidmatan Psikiatri.

Bangunan Blok Baharu Pusat Kesihatan Jubli Perak, Sengkurong akan mula beroperasi pada Isnin, 19 Syawal 1445 Hijrah bersamaan 29 April 2024 Masihi. Waktu beroperasi bagi Pusat Kesihatan Jubli Perak, Sengkurong adalah seperti waktu biasa, iaitu mulai jam 7.45 pagi hingga 12.15 tengah hari dan 1.30 petang hingga 4.30 petang pada waktu bekerja. Selain

itu, kemudahan perkhidmatan *shuttle bus* bagi pesakit masih disediakan di Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurong bermula pada jam 7.00 pagi.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin; Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan (Profesional), Dr. Ang Swee Hui; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Dr. Hajah Anie Haryani binti Haji Abdul Rahman; ketua-ketua jabatan, beserta pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.

**YANG** Berhormat semasa membuat lawatan di Blok Baharu pusat berkenaan (kanan).

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



## 2 buah keluarga terima bantuan kewangan kerajaan



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 27 April. – Dua buah keluarga yang terlibat dalam kejadian banjir dan rumah angin kencang telah menerima bantuan kewangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) yang berlangsung di

Bangunan KKBS, hari ini. Sebuah keluarga dari Kampung Setia 'A', Daerah Brunei dan Muara merupakan mangsa kejadian angin kencang manakala sebuah keluarga lagi daripada Kampung Negalang Unat, Daerah Temburong di mana mereka menjadi mangsa kepada kejadian banjir. Kesemua mangsa dan penghuni rumah yang terlibat dalam kejadian bencana tersebut dalam keadaan selamat dan



**YANG** Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menyerahkan sumbangan bantuan kewangan kerajaan kepada salah seorang ketua keluarga yang terlibat dengan musibah dan seterusnya bergambar ramai (atas dan atas kiri).

tidak mengalami sebarang kecederaan.

Penyerahan sumbangan bantuan kewangan kerajaan disampaikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri

Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad kepada ketua-ketua keluarga yang berkenaan.

Pemberian bantuan kewangan ini adalah bagi meringankan kesusahan yang dialami oleh

mangsa-mangsa bencana demi kesejahteraan mereka sekeluarga. Usaha ini menunjukkan keprihatinan dan pemedulian pihak kerajaan terhadap rakyat dan penduduk yang mengalami musibah.

# PERASMIAN PROJEK BORNEO PULAU BERSEJARAH

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**YANG** Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian Projek Borneo Pulau Bersejarah yang berlangsung di Bangunan Pusat Pengkajian Borneo dan seterusnya melancarkan Galeri Pameran Citra Borneo dan Buku Dari Jendela Borneo : Himpunan Kertas Kerja (Siri I) penBORNEO (kanan dan kanan sekali).

## >> Muka 1

Hasil kajian dan penyelidikan Projek Borneo Pulau Bersejarah adalah penting untuk dibarigakan kepada masyarakat umumnya di persekitaran Pulau Borneo khususnya rakyat dan penduduk di rantau ini (NBD, Sabah, Sarawak dan Kalimantan).

Sehubungan itu, hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian Projek Borneo Pulau Bersejarah yang berlangsung di Bangunan Pusat Pengkajian Borneo, di sini ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad yang juga seterusnya merasmikan projek berkenaan.

Pengetua PSB, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong dalam ucapannya menjelaskan, Projek Borneo Pulau Bersejarah adalah sebuah projek akademik sejarah yang antara lainnya dihasilkan untuk menyemarakkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40.

Di samping itu, tambahnya, ia



juga mendukung matlamat PSB sebagai Pusat Kecemerlangan Sejarah dan Kesultanan Brunei dan seterusnya untuk mengukuhkan lagi ikatan silaturahmi dan memupuk sikap hormat-menghormati antara tiga negara, iaitu NBD, Indonesia (Kalimantan) dan Malaysia (Sarawak dan Sabah).

Menurutnya lagi, projek itu juga memperlihatkan usaha berterusan PSB dalam menyebarkan dan memasyarakatkan sejarah negara khususnya mengenai Borneo melalui pelbagai kegiatan seperti Ceramah Sejarah Borneo Siri Ke-12; perasmian Galeri Pameran Citra Borneo dan pelancaran buku terbitan PSB yang terbaharu berjudul, Dari Jendela Borneo : Himpunan Kertas Kerja (Siri I) penBORNEO.

Pada majlis itu, tetamu kehormat juga melancarkan Galeri Pameran Citra Borneo dan Buku Dari Jendela

Borneo : Himpunan Kertas Kerja (Siri I) penBORNEO.

Galeri Pameran Citra Borneo merupakan wadah untuk mendekatkan dan mendorong para pengkaji dan peminat sejarah untuk terus melaksanakan penyelidikan yang lebih meluas, mendalam dan terperinci mengenai sejarah Borneo yang dengannya boleh memberikan manfaat kepada masyarakat dan negara.

Pameran tersebut antara lain memaparkan hasil pengkajian dan penyelidikan mengenai sejarah asal usul Borneo; sejarah awal hubungan Sarawak, Sabah dan Kalimantan dengan NBD; koleksi sumber mengenai Borneo dan korpus sejarah Borneo.

Manakala penerbitan buku, Dari Jendela Borneo : Himpunan Kertas Kerja (Siri I) penBORNEO adalah untuk menambah, memperkaya dan mempelbagai lagi koleksi bahan



bacaan serta rujukan mengenai sejarah NBD dan Borneo. Acara sampingan juga turut diadakan Sesi Ceramah Sejarah Borneo Siri Ke-12 yang mengandungi empat sesi.

Ceramah Sejarah Borneo Siri Ke-12 merupakan sebuah program akademik yang menyumbang kepada perkongsian ilmu pengetahuan, pengalaman, pandangan dan pemikiran mengenai sejarah Borneo atau bidang ilmu lain yang berkaitan.

Dengan adanya kajian-kajian dan penyelidikan yang dilaksanakan diharap akan dapat memberikan pengetahuan tentang sejarah dan latar belakang kewujudan kepulauan Borneo di samping akan dapat membantu mengukuhkan silaturahmi dan rasa saling hormat-menghormati antara ketiga-tiga buah negara iaitu NBD, Malaysia (Sabah dan Sarawak) dan

Indonesia (Kalimantan).

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk hadir bagi sama-sama ikut serta dalam menjayakan aktiviti-aktiviti yang disediakan sepanjang program tersebut dijalankan.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke NBD, Tuan Yang Terutama Dr. Achmad Ubaedillah; Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke NBD, Tuan Yang Terutama Raja Dato' Reza bin Raja Zaib Shah; Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS); Timbalan Setiausaha Tetap KKBS; Pengarah-pengarah, Pengetua IBTE Pusat, pegawai-pegawai kanan, tenaga akademik institusi pengajian tinggi, pegawai-pegawai, ahli panel penceramah, para jemputan khas serta para mahasiswa-mahasiswi.

## Platform pengenalan ASEAN Taxonomy kepada pihak berkepentingan tempatan

■ Siaran Akhbar : Brunei Darussalam Central Bank

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 27 April. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), dengan sokongan daripada Sustainable Finance Institute Asia (SFIA), telah menganjurkan Bengkel ASEAN Sustainable Finance Taxonomy pada Rabu, 24 April 2024 di Hotel Centrepoint, Bandar Seri Begawan. Bengkel berkenaan bertujuan untuk memberi pengenalan mengenai ASEAN Taxonomy for Sustainable Finance (ASEAN Taxonomy) kepada pihak-pihak berkepentingan tempatan.

Melalui kajian kes, bengkel berkenaan antara lainnya menghuraikan peranan penting yang dimainkan oleh sektor kewangan dan agensi kerajaan yang berkaitan dalam menyumbang kepada pembangunan taksonomi kewangan lestari kebangsaan serta cara-cara untuk menggunakannya dengan berkesan.

Lebih 150 peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan dan wakil-wakil daripada BDCB, sektor perbankan, takaful / insurans, dan pasaran modal serta industri minyak dan gas menghadiri bengkel

berkenaan.

Acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Timbalan Pengarah Urusan, Operasi Monetari, Perkembangan dan Antarabangsa, BDCB, Dayang Hajah Noorrafidah binti Haji Sulaiman.

Dalam ucapannya, beliau telah menggariskan visi negara untuk diiktiraf secara meluas dengan pencapaiannya iaitu rakyat Brunei adalah berpendidikan, berkemahiran tinggi, dan berjaya serta menikmati kualiti hidup yang tinggi, dan ekonomi yang dinamik dan mampan menjelang tahun 2035.

Dayang Hajah Noorrafidah juga menekankan aspirasi negara untuk mencapai sifar bersih (*net-zero*) menjelang tahun 2050, seperti yang telah diisytiharkan dalam matlamat iklimnya pada 2021.

Ini katanya, termasuk komitmen untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau sebanyak 20 peratus berbanding tahap perniagaan seperti biasa menjelang 2030.

Selain itu, beliau juga mengongsikan kepentingan penubuhan sebuah taksonomi khusus bagi kewangan lestari

untuk menyokong pembangunan kelestarian, mencapai agenda kelestarian negara, dan mencegah 'greenwashing'.

"Inisiatif-inisiatif ini diharap akan dapat menyumbang kepada usaha global ke arah pembangunan lestari dan kewangan lestari," ujarnya lagi.

Bengkel kemudian diikuti dengan ASEAN Taxonomy for Sustainable Finance at A Glance disampaikan oleh Pengarah Program, SFIA, Dayang Najwa Abu binti Bakar.

Seterusnya, satu perbincangan panel telah diadakan yang diketuai oleh Ketua Pengarah Eksekutif, SFIA, Eugene Wong, dengan ahli-ahli panel terdiri daripada Ketua Capabilities Enablers and Futures, Sustainability Group, Monetary Authority of Singapore, Lim Bey An; dan Pengarah Kelestarian, Unit Kelestarian, Bank Negara Malaysia, Madelena Mohamed.

Panel telah mengongsikan pandangan berharga tentang taksonomi negara masing-masing, dengan menekankan kepentingan sentiasa meningkatkan kefahaman dan kerjasama dalam sektor kewangan.

## Kenyataan mengenai isu tular bagi senarai pemohon Skim Perumahan Negara

■ Siaran Akhbar : Jabatan Kemajuan Perumahan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 28 April. - Jabatan Kemajuan Perumahan (JKP) mengambil maklum mengenai isu penularan mesej di media sosial WhatsApp pada masa ini yang memuatkan senarai nama pemohon Skim Perumahan Negara dengan tajuk KSPN (1).

JKP ingin memaklumkan bahawa satu senarai nama sebelum ini pernah dimuat naik ke laman sesawang rasmi JKP bagi tujuan Kemaskini Data Pemohon Skim Perumahan Negara (KSPN) pada April 2017.

Walau bagaimanapun apa yang telah ditularkan baru-baru ini mengenai peruntukan perumahan bagi pemohon-pemohon Skim Perumahan Negara bagi kawasan Perumahan Negara Kampung Lugu adalah tidak sah.

Oleh itu, JKP menasihatkan orang ramai supaya tidak mudah mempercayai dan membuat sebarang spekulasi serta menularkan sebarang maklumat yang disebarkan melalui media sosial tanpa memastikan kesahihannya terlebih dahulu.

Adalah diperingatkan bahawa sesiapa yang menyebarkan laporan palsu atau membuat kenyataan palsu, sama ada secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain, yang berkemungkinan menyebabkan kebimbangan awam atau gundah gulana adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Bab 34, Akta Ketenteraman Awam (Penggali 148) (Public Order Act (Chapter 148)) dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda sebanyak BND3,000 dan penjara 3 tahun.

Untuk makluman orang ramai, bagi memastikan kesahihan sebarang maklumat yang berkaitan dengan JKP, orang ramai bolehlah menghubungi Bahagian Pembangunan Masyarakat & Perhubungan Awam, JKP melalui alamat e-mel [info@hdd.gov.bn](mailto:info@hdd.gov.bn) atau melayari laman sesawang rasmi JKP di [www.housing.gov.bn](http://www.housing.gov.bn).

# MENDUKUNG USAHA MEMAJUKAN PEMBANGUNAN BELIA

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



**SETIAUSAHA Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) semasa menghadiri Persidangan Pemimpin Belia dan Mesyuarat Pegawai Kanan Rantau Asia Komanwel diadakan pada 22 hingga 25 April 2024 di Kuala Lumpur, Malaysia. Turut hadir Pegawai Kanan Komanwel dan Perwakilan lain yang bertanggungjawab dalam pembangunan belia (atas dan kanan).**

**KUALA LUMPUR, MALAYSIA, Sabtu, 27 April.** - Persidangan Pemimpin Belia dan Mesyuarat Pegawai Kanan Rantau Asia Komanwel, telah diadakan pada 22 hingga 25 April 2024 di Kuala Lumpur, Malaysia dihadiri oleh Setiausaha Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin, bersama-sama Pegawai Kanan Komanwel dan Perwakilan lain yang bertanggungjawab dalam pembangunan belia.

Sidang Kemuncak itu merupakan inisiatif Sekretariat Komanwel,

British Council, dan Commonwealth Youth Council.

Mesyuarat Pegawai Kanan Asia Komanwel, yang dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha, Perdana Menteri Program Belia, Pejabat Perdana Menteri, Kerajaan Pakistan, Dr Muhammad Ali Malik, bersidang selari dengan Sidang Kemuncak Pemimpin Belia Rantau Asia Komanwel.

Objektif mesyuarat itu adalah untuk membincangkan perkembangan dan pencapaian kemajuan di rantau Asia mengenai Kenyataan Bersama bagi Mesyuarat Menteri-menteri Belia

Komanwel Ke-10 (CYMM Ke-10), Deklarasi Marlborough House dan memberi peluang kepada Pegawai-pegawai Kanan untuk melibatkan diri dengan pemimpin belia dan mengambil maklum mengenai penubuhan Platform Belia Rantau Asia yang telah dipersetujui oleh Menteri-menteri Belia semasa Mesyuarat Menteri-menteri Belia Komanwel pada September 2023 yang lalu.

Semasa mesyuarat tersebut, Pegawai-pegawai Kanan mengambil maklum Kenyataan Pengerusi dan mengesahkan

komitmen kolektif untuk menegakkan objektif yang digariskan dalam Kenyataan Bersama Menteri-menteri Belia Komanwel dan Deklarasi Marlborough House.

Mesyuarat juga bersetuju dengan keutamaan untuk memajukan lagi pembangunan belia di rantau ini melalui penyelarasan dan pelaksanaan di peringkat kebangsaan serta pengetahuan dan pertukaran rakyat-kerakyat dan kerjasama dalam kalangan negara anggota Komanwel.

Selain itu, mesyuarat juga mengambil maklum keputusan Persidangan Pemimpin Belia Rantau Asia Komanwel mengenai

penubuhan Commonwealth Asia Youth Alliance (CAYA) yang bertujuan untuk memperkasa belia di rantau ini dan menyediakan platform untuk pemimpin belia di rantau Asia untuk menjalinrangkaiannya, membincangkan isu pembangunan belia, bekerjasama dan mengemukakan cadangan untuk pertimbangan di Mesyuarat Commonwealth Head of Government Meeting (CHOGM).

Hadir sama mengiringi, Pengarah Pembangunan Belia dan Sukan, KKBS, Dayang Zainab binti Haji Morshidi, pegawai KKBS dan tiga orang perwakilan belia negara dan seorang ketua belia dari Majlis Belia Brunei.

## 3 ahli PPNBD sertai Asia Pacific Regional Scout Top Leaders Summit



**PERSEKUTUAN Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) semasa menghadiri 'The 11th Asia Pacific Regional Scout Top Leaders Summit' bertempat di Montien Riverside Hotel Bangkok, Thailand dan delegasi PPNBD diketuai oleh Yang Dipertua PPNBD, Dato Paduka Ar. Awang Haji Idris bin Haji Abas (atas dan kiri).**

**BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 28 April.** - Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) baru-baru ini menghadiri 'The 11th Asia Pacific Regional Scout Top Leaders Summit' bertempat di Montien Riverside Hotel Bangkok, Thailand. Seramai tiga ahli PPNBD

telah menghadiri persidangan berkenaan. Delegasi PPNBD diketuai oleh Yang Dipertua PPNBD, Dato Paduka Ar. Awang Haji Idris bin Haji Abas.

Turut serta ialah Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Awang

Haji Junaidi bin Haji Hussin; dan Pesuruhjaya Antarabangsa, Awang Ritchie Siabu.

Persidangan yang berlangsung adalah bagi membarigakan pencapaian-pencapaian Pergerakan Pengakap Sedunia khususnya di rantau Asia Pasifik.

Selain itu, ia juga bagi membincangkan Pelan Strategik Pergerakan Pengakap Sedunia bagi rantau Asia Pasifik dan juga sesi kongsi bagi projek-projek pengakap yang berjaya bagi organisasi pengakap di rantau Asia Pasifik serta penyerahan resolusi semasa persidangan berkenaan.



# PENYERAHAN SURAT LANTIKAN AJKT KUMPULAN BELIA, BELIAWANIS MASJID SENEGARA



**PEMANGKU** Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) semasa menyampaikan surat lantikan kepada Ahli Jawatankuasa Tertinggi Kumpulan Belia dan Beliawanis Masjid Senegara Sesi 2024-2026 kepada para penerima (kiri dan bawah kiri).

■ Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

dan Beliawanis Masjid Senegara Sesi 2024-2026 ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Misle bin Haji Abdul Karim.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa yang dipimpin oleh Awang Haji Muzaffar bin Haji Marsidi, diikuti dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Awang Haji Asminan bin Haji Chuchu selaku Pengerusi Bersama.

Acara kemudiannya diakhiri dengan sesi beramah mesra bersama Pemangku Timbalan

Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU.

Majlis antara lain diadakan untuk sama-sama menyambut Aidilfitri di bulan Syawal dengan penuh kesyukuran serta untuk mengukuhkan hubungan silaturahmi antara sesama ahli jawatankuasa dan para jemputan yang hadir.

Ia dihasratkan agar dapat memberikan hasil yang positif dan manfaat kepada para jemputan yang hadir di sambutan tersebut, di samping memperoleh keberkahan dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala dunia dan akhirat.



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 28 April. - Kumpulan Belia Masjid Senegara buat julung kalinya mengadakan Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang diselenggarakan dengan Majlis Penyerahan Surat Lantikan Ahli Jawatankuasa Tertinggi (AJKT) Kumpulan Belia dan Beliawanis Masjid Senegara Sesi 2024-2026 dan Penyampaian Sijil bagi AJKT Kumpulan Belia dan Beliawanis Masjid Senegara Sesi Tahun 2022-2024 yang diadakan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, di sini.

Hadir dan seterusnya menyampaikan surat lantikan kepada AJKT Kumpulan Belia

## Kemeriahan Aidilfitri eratkan silaturahmi

■ Berita dan Foto : Ihsan PERMATA Veteran ABDB PERWIRA



**PERSATUAN PERMATA Veteran ABDB PERWIRA** buat julung kalinya mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri bertempat di Banquet Hall, Wafa Hotel & Apartment, Kompleks Annajat (atas dan bawah).



**BERIBI**, Sabtu, 27 April. - Hari Raya Aidilfitri adalah hari yang disyariatkan umat Islam untuk menyambutnya dengan penuh rasa syukur dan gembira, memasuki hari ke-17 suasana kemeriahan Hari Raya Aidilfitri masih terus diraikan oleh semua lapisan masyarakat di negara ini.

Persatuan PERMATA Veteran ABDB PERWIRA buat julung kalinya mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri bertempat di Banquet Hall, Wafa Hotel & Apartment, Kompleks Annajat, baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat Pengiran Datin Paduka Seri Laila Jasa Hajah Zaba'edah binti Pengiran Ratna Wangsa Pengiran Haji Metussin Abdul Rahman Piut,

isteri Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Majer Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong, Penasihat Persatuan Veteran ABDB (PERWIRA).

Dalam ucapan alu-aluan Pengerusi PERMATA, Dayang Hajah Ratna binti Haji Karna melahirkan ucapan penghargaan kepada para tetamu yang hadir ke majlis berkenaan bagi mengeratkan lagi silaturahmi antara para isteri pegawai-pegawai kanan ABDB yang masih berkhidmat di Kementerian Pertahanan, mahupun para isteri mantan-mantan pegawai kanan ABDB.

Selain itu ia juga dihasratkan

sebagai satu penghargaan kepada isteri-isteri pegawai-pegawai kanan dan mantan-mantan pegawai kanan yang telah banyak memberikan sumbangan dan kerjasama bagi menjayakan pelaksanaan dan perjalanan Persatuan Veteran ABDB ringkasnya PERWIRA.

Menerusi majlis-majlis seumpama ini juga adalah diharapkan pada masa akan datang PERMATA akan terus meningkatkan lagi usaha-usaha dan kegiatan-kegiatan kebajikan yang seterusnya.

Majlis turut dihadiri oleh para Penasihat PERWIRA, jemputan-jemputan khas, ketua-ketua cawangan PERWIRA, serta ahli jawatankuasa tadbir dan Ahli-ahli PERMATA amnya.

## Undi, pilih calon Ketua Kampung Kiarong Kawasan 2

■ Siaran Akhbar : Jabatan Daerah Brunei dan Muara

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 27 April. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) memaklumkan kepada penduduk-penduduk Kampung Kiarong Kawasan 2 bahawa Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Kiarong Kawasan 2 akan diadakan pada Ahad, 12 Mei 2024 bermula jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi bertempat di Sekolah Rendah Datu Ratna Haji Muhammad Jaafar, Kiarong.

Sehubungan itu, Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Kiarong Kawasan 2 akan menggunakan dua kaedah ini iaitu secara *ballot papers* pada 12 Mei 2024 dan melalui undian dalam Mobile Aplikasi yang akan dibukakan melalui Aplikasi e-Undi PMKK mulai pada 10 hingga 12 Mei 2024.

Oleh itu, kepada penduduk-penduduk Kampung Kiarong Kawasan 2 yang belum mendaftar, bolehlah mendaftar menggunakan borang daftar penduduk melalui Pemangku Ketua Kampung ataupun melalui Bahagian Institusi Mukim dan Kampung (JDBM) sebelum 12 Mei 2024 manakala bagi Mobile Aplikasi boleh mendaftar melalui Aplikasi e-Undi PMKK sebelum 9 Mei 2024, pada jam 8.00 pagi.

JDBM seterusnya menjunjung dan mempersilakan penduduk-penduduk Kampung Kiarong Kawasan 2 untuk hadir mengundi pada majlis tersebut pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan.

## Penduduk Kampung Sungai Akar pilih Ketua Kampung 12 Mei ini

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 27 April. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) memaklumkan kepada penduduk-penduduk Kampung Sungai Akar, Kawasan 2, Mukim Berakas 'B' bahawa Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Sungai Akar, Kawasan 2, Mukim Berakas 'B' akan diadakan pada Ahad, 12 Mei 2024 bermula jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi bertempat di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Mukim Berakas 'B'.

Sehubungan itu, Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Sungai Akar, Kawasan 2, Mukim Berakas 'B' akan menggunakan dua kaedah ini iaitu secara *ballot papers* pada 12 Mei 2024 dan melalui undian dalam Mobile Aplikasi yang akan dibukakan melalui Aplikasi e-Undi PMKK mulai pada 10 hingga 12 Mei 2024.

Oleh itu, kepada penduduk-penduduk Kampung Sungai Akar, Kawasan 2, Mukim Berakas 'B' yang belum mendaftar, bolehlah mendaftar menggunakan borang daftar penduduk melalui Pemangku Ketua Kampung ataupun melalui Bahagian Institusi Mukim dan Kampung (JDBM) sebelum 12 Mei 2024 manakala bagi Mobile Aplikasi boleh mendaftar melalui Aplikasi e-Undi PMKK sebelum 10 Mei 2024, pada jam 8.00 pagi.

JDBM seterusnya menjunjung dan mempersilakan penduduk-penduduk Kampung Sungai Akar, Kawasan 2, Mukim Berakas 'B' untuk hadir mengundi pada majlis tersebut pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan.



# AWANG HILMY CALON TUNGGAL KETUA KAMPUNG KAWASAN 3, RPN PANCHOR



Oleh : Khartini Hamir  
Foto: Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



**MUKIM MENTIRI**, Ahad, 28 April. - Seorang ketua kampung berperanan selaku perantara dua hala di antara pihak kerajaan serta penduduk kampungnya bagi menjaga dan mengawasi kepentingan dan keselamatan kampung di bawah penjagaannya.

Di samping itu, seorang ketua kampung juga harus bertanggungjawab mewujudkan, memelihara dan mengekalkan persefahaman, perpaduan dan keharmonian hidup bermasyarakat serta mengalakkan semangat bermucang-mucang dan bergotong-royong supaya ia tidak luput di makan zaman.

Dan, seorang ketua kampung itu juga perlu berperanan mengadakan perundingan, permuzakaran dan permuafakatan dengan majlis perundingan kampung serta bersama anak buah kampung mengenai apa jua perkara berkebajikan khususnya untuk pembangunan, kesentosaan, kesejahteraan kampung,

keselamatan dan keamanan kampung dan negara umumnya.

Perkara itu ditekankan oleh Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubarak bin Pengiran Haji Hashim ketika berucap di Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Kawasan 3, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Panchor, Mukim Mentiri yang diadakan di Taman Riadah Bukit Mengkubau, di sini.

Pengiran Muhammad Ameer Mubarak dalam ucapannya juga turut mengingatkan penduduk kampung untuk menggunakan peluang mengundi dan memilih calon ketua kampung sebaik-baiknya dengan penuh ketelitian serta kebijaksanaan kerana pilihan yang dibuat akan menentukan masa depan pemeduliaan kampung seperti yang diharapkan.

“Untuk mencapai hasrat serta wawasan ke arah membangunkan dan memajukan kampung abiskita ini, adunan dari segi kerjasama,

sokongan kuat serta perpaduan masyarakat kampung yang berterusan adalah amat diperlukan,”

“Di tambah lagi dengan adanya corak kepimpinan yang baik dan bijaksana daripada ketua kampung sebagai teras pemimpin masyarakat dari peringkat akar umbi, insyaaAllah kemajuan yang dihasratkan akan tercapai jua,” ujar beliau lagi.

Pada majlis itu menyaksikan calon tunggal yang layak bagi mengisi kekosongan jawatan Ketua Kampung Kawasan 3, RPN Panchor, Mukim Mentiri ialah Awang Hilmy bin Haji Ahmad, 53, (berusia 49 tahun semasa iklan jawatan dibukakan).

Beliau bermastautin di kampung berkenaan sejak tahun 2014 dan mempunyai kelulusan BDTVEC National Diploma dalam jurusan Radio, Televisyen and Electronic Technology dari Maktab Sultan Saiful Rijal

Pada ketika ini beliau berkhidmat selaku Pemangku Ketua Kampung

**PEMANGKU** Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubarak bin Pengiran Haji Hashim semasa berucap pada Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Kawasan 3, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Panchor, Mukim Mentiri yang diadakan di Taman Riadah Bukit Mengkubau (atas kiri), sementara gambar atas, sekitar majlis pengundian dan pemilihan ketua kampung tersebut.

Kawasan 3, RPN Panchor, Mukim Mentiri.

Daripada 140 orang yang berdaftar dan layak mengundi bagi calon jawatan Ketua Kampung Kawasan 3, RPN Panchor, seramai 124 orang bersetuju (102 dari kertas undi dan 22 secara *online*), seramai satu orang tidak bersetuju dan tidak ada undi rosak dilaporkan.

Keputusan Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung yang diperoleh hari ini akan dihadapkan untuk disokong dan

dipertimbangkan bagi menyandang jawatan berkenaan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk proses-proses seterusnya.

Terdahulu di sebelah awal pagi tadi diadakan pengundian secara kaedah kertas undi dilaksanakan bermula dari pukul 8.00 hingga 11.00 pagi, dan pengundian menggunakan aplikasi mudah alih e-Undi PMKK telah bermula pada Jumaat, 26 April 2024 dan ditutup hari ini.

# Awang Hujan calon tunggal Ketua Kampung Amo

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Temburong



SEKITAR majlis pengundian berkenaan (atas kiri dan atas kanan).

**TEMBURONG**, Ahad, 28 April. - Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Amo, Mukim Amo diadakan pada hari ini bertempat di Dewan Sekolah Rendah Amo, Daerah Temburong.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang diketuai oleh Pemangku Bilal Balai Ibadah Kampung Semabat, Awang Haji Mokhsin bin Haji Karim.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan pengiraan dan pengumuman undi.

Sebelum majlis dimulakan, terlebih dahulu diadakan pengundian secara kaedah kertas undi bermula jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan pengundian menggunakan aplikasi mudah alih

e-Undi PMKK telah bermula pada Jumaat, 26 April 2024.

Calon tunggal yang layak bagi mengisi kekosongan jawatan Ketua Kampung Amo ialah Awang Hujan anak Muit, 58 tahun dan merupakan Pemangku Ketua Kampung Amo.

Beliau menetap di Rumah Panjang Amo 'B' dan merupakan Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK) Amo bermula 1 November 2008 dan Pengerusi Pengawasan Kejiranan Kampung.

Sepanjang menjawat Pemangku Ketua Kampung Amo, MPK Amo dapat mengusahakan produk Satu Kampung Satu Produk (1K1P), iaitu produk kraf tangan anyaman dan kuih jala.



**PEMANGKU** Pegawai Daerah Temburong, Awang Muhammad Usamah bin Haji Sarbini hadir pada Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Amo (atas).

Daripada 174 orang yang berdaftar dan layak mengundi, seramai 147 telah mengundi bagi calon jawatan Ketua Kampung Amo.

Daripada jumlah berkenaan, seramai 145 orang bersetuju, manakala seorang tidak bersetuju dan satu undi rosak.

Hadir pada majlis berkenaan, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Muhammad Usamah bin Haji Sarbini.

Turut hadir ialah pegawai kanan dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Pemangku Penghulu Zon 2, Ketua-ketua Kampung dan Pemangku Ketua

Kampung di bawah tadahan Mukim Amo.

Keputusan Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung akan dihadapkan kepada Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, KHEDN bagi proses selanjutnya.

# MAJLIS RAMAH MESRA AIDILFITRI BAGI KAMPUNG TELISAI TUTONG



**HADIR** selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohd. Sofian bin Haji Basri.

**TUTONG**, Sabtu, 27 April. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Telisai dengan kerjasama Majlis Takmir Masjid Telisai malam tadi menganjurkan Majlis Ramah Mesra

Aidilfitri bagi Kampung Telisai Tutong 1445 Hijrah / 2024 Masihi. Majlis diadakan di Kawasan Tapak Sukan, Kampung Telisai, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohd. Sofian bin Haji Basri.

Acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengerusi Majlis, Awang Ahmadiyah bin Haji Suhaili.

Dalam ucapan beliau antara lain berharap majlis itu akan dapat

**Oleh :** Nooratini Haji Abas  
**Foto :** Hernie Suliana Haji Othman  
merapatkan lagi silaturahmi di antara penduduk Kampung Telisai dan sekali gus dapat mewujudkan semangat kekeluargaan serta mengukuhkan lagi perpaduan sesama mereka, tidak kira tua ataupun muda.  
Majlis diteruskan dengan ramah mesra bersama dengan penduduk kampung dan diserikan lagi dengan persembahan dari empat zon di bawah Kampung Telisai dan diakhiri dengan cabutan angka bertuah.



**KECERIAAN** dan kemeriahan dapat dilihat daripada para jemputan yang hadir pada Majlis Ramah Mesra Aidilfitri bagi Kampung Telisai Tutong 1445 Hijrah / 2024 Masihi (atas dan kanan).

## Awang Abdul Mu'iz calon tunggal Ketua Kampung Bokok



**CALON** Ketua Kampung Bokok semasa bergambar ramai bersama Pemangku Pegawai Daerah Temburong (atas). Sementara gambar kanan dan bawah kanan, suasana Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Bokok, Mukim Bokok.

**TEMBURONG**, Sabtu, 27 April. - Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Bokok, Mukim Bokok diadakan barubaru ini, bertempat di Dewan Kemasyarakatan Mukim Bokok, Daerah Temburong.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang diketuai oleh Imam Masjid Pengiran Haji Abu Bakar, Kampung Bokok, Awang Sokhrati @ Muhammad Hanafi bin Haji Bahrun.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan pengiraan dan pengumuman undi.

Sebelum majlis dimulakan, terlebih dahulu diadakan pengundian melalui kaedah kertas undi bermula jam 8.00 pagi

hingga 11.00 pagi dan pengundian menggunakan aplikasi mudah alih e-Undi PMKK telah bermula pada Rabu, 24 April 2024.

Calon tunggal yang layak bagi mengisi kekosongan jawatan Ketua Kampung Bokok ialah Awang Abdul Mu'iz bin Haji Kadir.

Beliau merupakan pemegang ijazah Sarjana Muda dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan pada masa ini bertugas sebagai Pengurus Restoran McDonald's, Makan Ceria Sendirian Berhad.

Daripada 154 orang yang berdaftar dan layak mengundi, seramai 66 telah mengundi calon untuk mengisi kekosongan jawatan Ketua Kampung Bokok. Daripada jumlah berkenaan,

seramai 65 orang bersetuju dan seorang tidak bersetuju.

Hadir pada majlis berkenaan, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Muhammad Usamah bin Haji Sarbini.

Turut hadir ialah Pemangku Penolong Pegawai Daerah, pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Pemangku Penghulu Zon 2, Ketua-ketua Kampung dan Pemangku Ketua Kampung di bawah tadahan Mukim Bokok.

Keputusan Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung akan dihadapkan kepada Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, KHEDN bagi proses selanjutnya.

**Siaran Akhbar dan Foto :** Jabatan Daerah Temburong



# سردار سري

## منجاك كسلامتن دان كصيحتن دتمقت كرجا

جماعه يغ درحمي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله ﷺ دغن منبغكتن كلئمانن كقدن. مسغكوهن اورغ يغ فالبع مليا ديسي الله ﷺ ايت اياه اورغ يغ فالبع برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي انسان يغ سنتياس مغايغي الله ﷺ، براوله كحيان دان كسلامتن دنيا دان جوگ داخيرة.

الله ﷺ برفرمان دالم سورة القصص آية ۷۲:

تفسير:

دان انتارا رحمتن، دي منجايدن اونتوق كامو مالم دان سياغ سوفاي كامو دافت براستراحة فدن (وقتو مالم) دان دافت منجاري رزقي درقد ليمقه كورنيان (قد وقتو سياغ) دان موده-مودهن كامو برشكور.

جماعه يغ درحمي الله،

آية ترسيوت منجلسن بهاوا الله ﷺ دغن كواس دان رحمتن تله مغورنياكن نعمت يغ تيدق ترهيتوغ بايقن. دانتارا نعمت ترسيوت اياه دغن منجيشناكن سياغ دان مالم سجارا سبيله بركني اونتوق فارا مخلوق اكر مريك دافت براستراحة فد وقتو مالم دان ستروسن فد وقتو سياغ فولا اونتوق مغوروس كهيدوفن سقرتي بكرجا دان براوسها منجاري رزقي باكي مبارا كهيدوفن ديرين دان جوگ تفرغونن.

مسوغكوهن الله ﷺ تله منجامين دان منتفكن رزقي ستياف مخلوقن دموك بومي اين. سوغكوهون دمكين، اي فرلو دستراكن دغن اوسها دان ايتبار، بوكنن هان دغن منوغكو، اغكن بكرجا دان اغكن براوسها دغن سمات-سمات برتوكل كقد الله ﷺ.

فرلو دايفت، اونتوق منداقتن ستياف رزقي دان ستياف كحيان ايت هندقله داوسهاكن، اي تيدق اكن داتغ برقوليق سنديري تنفا اد سبارغ اوسها دان كسوغكوهن. دسقيغ ايت جوگ فرلو دستراي دغن بردعاء كحضرة الله ﷺ.

جماعه يغ درحمي الله،

رسول الله ﷺ دالم حديث بكندا منجلسن بهاوا انتارا كاوتامان دان كموليان يغ دكورنياكن اوليه الله ﷺ باكي اورغ-اورغ يغ فنت دان لنيه بكرجا منجاري نفقه دمي اونتوق ممنوي كفرلوان ديرين، كفرلوان كلواركن اتافون اونتوق كفرلوان اورغ-اورغ يغ برادا دباوه تفرغونن اياه الله ﷺ اكن مغهافوس كسالمن مريك. درقد ابو هريرة رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، رسول الله ﷺ برسيدا: مَا يُصِيبُ الْمُسْلِمَ مِنْ نَصَبٍ وَلَا وَصَبٍ وَلَا هَمٍّ وَلَا حُزْنٍ وَلَا أَذًى وَلَا غَمٍّ حَتَّى الشُّوكَةِ يُشَاكِّهَا إِلَّا كَفَّرَ اللَّهُ بِهَا مِنْ خَطَايَاهُ.

مقصودن:

تيدقله ساورغ مسلم يغ تريمفا مصيبة، كلنهن، فياكيت، كرسهن، كسدپهن، كغكورن دان ككورنهن بهكن دوري يغ ملوكاين سكاليفون، ملاينكن الله اكن مغهافوس كسالمن. {حديث رواية امام بخاري}

جماعه يغ درحمي الله،

سجارا عمومون، سبيلغن بسر دري ماس سهارين كيت اداله برادا دتمقت كرجا، دمان سجارا لغسوغ اتافون تيدق، كيت اداله ترده كقد فلپاكي ريسيكو يغ مهبياكن.

جوسرؤ، دالم فكرجان كيت سهارين، كيت هندقله سنتياس بكرجا دغن جارا يغ سلامت دان صيحت. اين برتقن دغن حديث رسول الله ﷺ اكر كيت منجاوهي درقد سبارغ بنتوق كموضارتن اتافون موضارتن اورغ لايين. درقد ابو سعيد بن سنان الحذري رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، رسول الله ﷺ برسيدا: لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ.

مقصودن:

تيدق بوليه ملاكوكن فربوان يغ موضارتن ديرين سنديري دان اورغ لايين. {حديث رواية امام ابن ماجه}

اوليه يغ دمكين، برداسركن سروان اكلام كيت، ماريله كيت سام-سام سنتياس مغمالكن بوديا منجاك كسلامتن دان كصيحتن دتمقت كرجا. كيت فرلو مغمالكن سيكف برهاتي-هاتي كتيك منجانلكن نوكنس، جاشن فولا دسيسكن اوليه كلالين دان كجواين كيت، اي اكن مغمكيتن كمالغن فد ديرين كيت سنديري دان جوگ كقد اورغ لايين افاته لايي كمالغن يغ مهبياكن كهيلغن باوا. اوليه ايت، ماريله كيت مفرتيككن اوسها دغن لغكه-لغكه كسلامتن دان بروسفادا دالم ملاكوكن فكرجان سهارين.

سيدغ جماعه يغ درحمي الله،

فريته كسلامتن دان كصيحتن دتمقت كرجا ۲۰۰۹، تله ممفراونتوقن كواجيغن كقد ستياف مجيكن اونتوق مغميل لغكه ۲ يغ فرلو باكي مستيكن كسلامتن دان كصيحتن فكرجا ۲ يغ سدغ بكرجا دان فكرجا ۲ لايين يغ موغكين ترووت ترجمس دسيسكن برلاكون كجادين برقوقجا دري سبارغ فراوسهان يغ دجانلكن دتمقت كرجا. اين ترماسوق مبدياكن دان مستيكن فرسكيون كرجا اداله سلامت، صيحت، كمس دان تراور باكي منجامين كياجغن مريك يغ سدغ بكرجا دان فكرجا ۲ لايين دفرسكيون ترسيوت. مجيكن جوگ هاروس ممريكن ارهن، معلومت، لاتيهن دان فغاوسن يغ سجوكونن اكر فكرجا ممقو ملقسناكن كرجان دغن سلامت دان سمقورنا.

فريته كسلامتن دان كصيحتن دتمقت كرجا ۲۰۰۹، جوگ ممفراونتوقن تفرغوجواب كقد فكرجا اونتوق مغمكوناكن فركاكس ۲ يغ سسواي، فاكايين فليندوغ، كمودهن، كلغكفن اتاو فرالين يغ تله دسدياكن اوليه مجيكن دالم مستيكن كسلامتن، كصيحتن دان كياجغن فكرجا ترجمين سقوتو بكرجا.

انتارا لغكه ۲ يغ دسارنكن كقد مجيكن باكي مستيكن كسلامتن دان كصيحتن فكرجا اداله سنتياس دالم كادان سلامت دان دجاك اياه:

— مبدياكن قلن تيدقن كجمنن يغ كومفريهينسيف سرتا لغكه ۲ فموليهن باكي مناغي سيناريو كجمنن يغ بوليه ترحادي سقرتي بنجهر كيلت، تانه رونتوه اتاو كياكرن هوتن.

— مستيكن فرسكيون كرجا اداله سنتياس برسبه، كمس دان تراور اونتوق منجكه كجادين كجدران يغ برقوقجا درقد تركلنجهر، ترسندوغ دان ترحاتوه يغ كرف ترحادي دتمقت كرجا اكر كجدران دافت دايلقن.

— باكي فكرجهان لوار تراوتام دتمقت يغ فانس، فكرجا هاروس دسدياكن دغن اير مينومن دان مبدياكن دتمقت برجت اونتوق برتدوه يغ سسواي كقد فكرجا يغ ترده دغن جواج فانس، باكي مغلقيكن فنددهن كقد ريسيكو تكنن هاب دان مبدياكن وقتو رجت يغ برقاتونن.

— منجانلكن فمريقساهن كسلامتن دان كصيحتن يغ كرف باكي مستيكن فرسكيون كرجا اداله سلامت دان صيحت اونتوق فكرجا ۲ دالم كاولن ماسيغ ۲.

— مغورعكن اتاو منجدوال سمولا كرجا ۲ يرت كتيك موسيم فانس.

جماعه يغ درحمي الله،

سام-سامله كيت براوسها دان مبدياكن جارا بكرجا دغن سلامت دان صيحت. دسقيغ ايت، كيت بردعاء سموك اف جوا اوسها دان فكرجان يغ كيت لاكوكن اكن دكورنياكن رزقي يغ حلال لايي بابك، منداقتن كنجاران درقد الله ﷺ اكن ترهيندر دري ممفراوليهي حاصل فنداقن يغ تيدق حلال. آمين يا رب العالمين.

تفسير:

مك ماكله يغ حلال لايي بابك درقد رزقي يغ الله تله كورنياكن كقد كامو (واهي اورغ-اورغ يغ برلمان) دان شكوريله نعمت الله ايت جك بنر كامو هان برعبادت كقدن. {سورة النحل آية: ۱۱۴}

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُكَ اللَّهُ الْعَظِيمَ لِي وَلِكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ قَبْلَ فَوْزِ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَتِلْجَاةِ النَّارِ.

# ASTERAWANI MERIAHKAN GEMA RAYA AIDILFITRI



**YANG** Dimulikan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim semasa hadir pada Majlis Gema Raya Aidilfitri ASTERAWANI yang berlangsung di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka (atas). Manakala gambar atas kanan, sebahagian yang hadir pada majlis berkenaan.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 28 April. - Dalam mengukuhkan lagi ikatan persaudaraan sekali gus meningkatkan kerjasama kesefahaman dan hormat menghormati, Angkatan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERAWANI) petang tadi mengadakan Majlis Gema Raya Aidilfitri ASTERAWANI yang berlangsung di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), di sini.

Hadir pada majlis berkenaan, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim; Ketua I ASTERAWANI, Profesor Ampuan Dr. Haji Brahim bin Haji Tengah; dan Ketua II ASTERAWANI, Awang Haji Jawawi bin Haji Ahmad; serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir ASTERAWANI.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Tahlil yang

dipimpin oleh Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani khusus bagi ahli-ahli keluarga dan ahli-ahli ASTERAWANI yang telah kembali ke rahmatullah.

Sementara itu, Ketua I ASTERAWANI yang juga selaku Pengerusi Majlis dalam ucapannya menzahirkan rasa syukur dan gembira kerana pada tahun ini ASTERAWANI buat pertama kali dapat mengadakan Majlis Gema Raya Aidilfitri.

Menurutnya, salah satu penggerak dalam mengadakan majlis berkenaan adalah semangat Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir ASTERAWANI Sesi 2024 - 2026 yang terdiri daripada ahli-ahli lama dan ahli-ahli baharu.

Dengan adanya kombinasi ahli-ahli lama dan ahli-ahli baharu, beliau percaya ASTERAWANI akan lebih menyerlah dalam melaksanakan aktiviti terutama aktiviti yang menjadi *core business*

ASTERAWANI.

Majlis diserikan lagi dengan persembahan bacaan sajak daripada Dr. Haji Morsidi bin Haji Mohammad; cabutan bertuah serta persembahan pentas daripada Ahli-ahli ASTERAWANI dan Kumpulan Lakap Lagor Entertainment.

Tujuan majlis berkenaan diadakan adalah bagi menzahirkan kesyukuran atas kemenangan kita semua sebagai umat Islam yang telah berjaya mengerjakan ibadah puasa selama sebulan, bukan sahaja berjaya mengawal hawa nafsu daripada makan dan minum tetapi juga kejayaan dalam mengawal diri daripada melakukan perkara-perkara yang dilarang.

Selain itu, majlis berkenaan juga diadakan sebagai satu ruang atau platform untuk para ahli bertemu terutama saling bermaaf-maafan pada Sambutan Hari Raya tahun ini.

■ Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani



## Timba pengetahuan, kemahiran kaunseling



**SUASANA** sekitar Bengkel Asas Kaunseling yang berlangsung di Dewan Sekolah Agama Pengiran Anak Puteri Masna (atas dan bawah).

■ Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 27 April. - Seramai 31 orang guru kanan dari 15 buah sekolah agama Kawasan Brunei I petang tadi menyertai Bengkel Asas Kaunseling yang berlangsung di Dewan Sekolah Agama Pengiran Anak Puteri Masna, Bandar Seri Begawan, di sini.

Bengkel disampaikan oleh tiga kaunselor daripada Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS), Kementerian Pendidikan iaitu Dayang Hajah Siti Azizah binti Haji Wahsalfelah dari Maktub Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah; Dayang Faridah binti Haji Sumari dari Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab; dan Awang Hamdillah bin Abu Hanipah dari Sekolah Menengah Awang Semaun.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah yang diikuti dengan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam, dan diakhiri dengan penyampaian sijil kepada para peserta bengkel dan sesi bergambar ramai.

Program tersebut diungkuhkan oleh Jawatankuasa Pemimpin Sekolah-Sekolah Agama Kawasan Brunei I (JPSSU Brunei 1), Jabatan Pengajian Islam yang dihadiri sama oleh para pegawai dari jabatan berkenaan.

Tujuan bengkel diadakan antara lain untuk menambah pengetahuan dan kemahiran komunikasi secara berkesan kepada guru-guru di sekolah-sekolah agama di Kawasan Brunei 1, khususnya dalam bidang kaunseling bagi sama-sama berusaha membantu warga sekolah yang menghadapi sebarang permasalahan mahupun cabaran.

■ Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Azmah Haji Ahad

kunjungan Hari Raya berkenaan.

"*Kitani* menyambut dengan penuh kegembiraan dan kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas segala nikmat kesihatan, keimanan yang dikurniakan-Nya, dengan cara sederhana tidak membazir, tidak terlalu lalai atau terlepas daripada kewajipan menjalankan sembahyang.

"*Kitani* bermaaf-maafan sesama insan, agar merapatkan ukhuwah, dalam suasana bersatu padu mengukuhkan hubungan

berpersatuan yang harmoni, sejahtera dan mewujudkan rasa kasih sayang, hormat menghormati, berlapang dada," ujarnya.

Bagi memberkati acara, Doa selamat dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Awang Muhammad Darwisy Afiq bin Jalani.

Majlis juga turut diserikan dengan penyampaian buah tangan silaturahmi Hari Raya Aidilfitri dan seterusnya menikmati pelbagai juadah Hari Raya.

## Kunjungan Hari Raya Aidilfitri kukuhkan silaturahmi



**DATIN** Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali mengalu-alukan kunjungan Sambutan Hari Raya Aidilfitri daripada 18 ahli Persatuan Kebajikan Perempuan (PKP), Daerah Belait, di kediamannya, Ar-Raiyan, Kampung Jerudong.

**JERUDONG,** Ahad, 28 April. - Syawal yang kini memasuki minggu ketiga terus dimeriahkan lagi dengan amalan kunjung mengunjungi dan ziarah-menziarahi, sebagai tujuan utama

mengukuhkan lagi silaturahmi di samping sebagai peluang untuk bermaaf-maafan di bulan mulia ini.

Sehubungan dengan itu, Naib Yang Dipertua II, Majlis Wanita

Negara Brunei Darussalam (MWNBD), Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali mengalu-alukan kunjungan Sambutan Hari Raya Aidilfitri daripada 18 ahli Persatuan Kebajikan Perempuan (PKP), Daerah Belait, di kediamannya, Ar-Raiyan, Kampung Jerudong, di sini.

Kunjungan rombongan PKP berkenaan diketuai oleh Yang Dipertua PKP, Dayang Hajah Kertini binti Orang Kaya Paduka Setia Diraja Abang Haji Abu Hanifah.

Acara kunjungan Hari Raya berkenaan dimulai dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai diikuti dengan bacaan selawat Tafrijiyyah dan Sayyidul Istighfar serta persembahan dikir daripada ahli-ahli PKP.

Dalam ucapannya, Datin Hajah Masni menzahirkan rasa kesyukuran ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana diberi kesempatan untuk sama-sama meraikan Hari Raya Aidilfitri yang penuh keberkatan ini dan mengalu-alukan ahli-ahli PKP pada

# KONGSI PANDANGAN, PENJELASAN SIARAN RTB

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Alishahrin Haji Mumin

**TEMBURONG**, Sabtu, 27 April. - Ke arah memberi kefahaman dan mempromosikan produk serta perkhidmatan RTB kepada orang ramai, Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB) mengadakan Jerayawara Badudun Bersama Biskita yang berlangsung di Dewan Belalong, Daerah Temburong, di sini.

Jerayawara program dimulakan dengan sesi taklimat dan soal jawab bagi memberi peluang kepada para hadirin untuk mengongkalkan pandangan serta mendapatkan penjelasan lanjut khususnya mengenai siaran dan rancangan-rancangan RTB.

Hadir di sesi tersebut ialah Pemangku Pengarah RTB, Awang Cheong Chee Keong;

pegawai-pegawai serta kakitangan Jabatan Daerah Temburong dan RTB; ketua-ketua kampung dan penduduk Daerah Temburong.

Mewakili RTB semasa sesi soal jawab ialah Pemangku Timbalan Pengarah (Kemajuan), Awang Muhammad Zulkarnain bin Haji Ibrahim@Ahmad; Pemangku Ketua Siaran dan Kawalan Saluran, Awang Mohammad Shamsul bin Haji Sanif dan Pemangku Ketua Rancangan Radio, Awang Muhammad Alim bin Sani.

Beberapa aktiviti sampingan juga diadakan sepanjang jerayawara itu iaitu galeri pameran dari Bahagian Berita dan Hal Ehwal Semasa, Bahagian Kejuruteraan, Bahagian Rancangan TV, Bahagian Rancangan Radio, Bahagian

Penyelidikan dan Perkembangan dan Bahagian Pemasaran dan Promosi.

Selain membuat pendekatan secara bersemuka kepada orang ramai tentang perkhidmatan RTB, jerayawara ini juga turut disertai oleh Majlis Perundingan Kampung untuk mempromosikan dan memasarkan produk-produk masing-masing.

Jerayawara turut diselitkan dengan aktiviti derma darah yang dikendalikan oleh Makmal Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam dan kuiz yang berhubung dengan perkhidmatan dan produk RTB. Mengimbuai mengenai sejarah Radio Brunei, ia memulakan siarannya pada 2 Mei 1957 manakala perkhidmatan televisyen bermula pada 1 Mac 1975.

RTB ketika ini mempunyai tiga saluran televisyen, iaitu RTB Perdana, RTB Sukmaindera dan RTB Aneka serta lima rangkaian radio tempatan, iaitu Rangkaian Nasional, Rangkaian Pilihan, Rangkaian Pelangi, Rangkaian Harmoni dan Rangkaian Nur Islam.

Manakala menerusi laman sesawang dan aplikasi RTBGo, ia bertujuan untuk meningkatkan capaian (outreach) audiens dalam dan luar negara, membolehkan audiens mengikuti perkhidmatan RTB di mana saja berada,

**PEMANGKU** Pengarah RTB, Awang Cheong Chee Keong semasa hadir pada Jerayawara Badudun Bersama Biskita yang berlangsung di Dewan Belalong (kanan). Manakala gambar kiri, antara yang hadir pada jerayawara berkenaan.



SEKITAR sesi taklimat dan soal jawab pada jerayawara tersebut.

dengan menyediakan rancangan-rancangan yang boleh ditonton atau di dengar menerusi Video On Demand (VOD) dan Audio Podcast.

Visi RTB ialah untuk menjadi organisasi media yang utama dan

dinamik dalam pembangunan negara, manakala misinya ialah untuk membentuk masyarakat bermaklumat dan berpengalaman melalui rancangan-rancangan berkualiti.



## PENJURU semarakkan Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri



**YANG** Di-Pertua Persatuan PENJURU, Datin Paduka Dayang Hajah Suraya Noraidah binti Abdullah hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan (atas dan kiri).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Ak. Mohd Aminol Adi Adzrie  
Pg. Haji Nikman

Got Talent, Game Show dan cabutan bertuah.

Majlis Rumah Terbuka berkenaan merupakan acara tahunan anjuran PENJURU dan ia adalah suatu pendekatan berterusan untuk merapatkan hubungan silaturahim dan jalinan kerjasama antara jururawat-jururawat yang berkhidmat daripada pelbagai sektor.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 28 April. - Walaupun Hari Raya Aidilfitri sudah sampai ke penghujungnya, namun sambutan berkenaan terus sahaja diraikan oleh pelbagai pihak.

itu, Persatuan Jururawat Negara Brunei Darussalam (PENJURU) mengadakan Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

majlis, Yang Di-Pertua Persatuan PENJURU, Datin Paduka Dayang Hajah Suraya Noraidah binti Abdullah.

Lebih 100 jururawat dan ahli keluarga yang datang daripada pelbagai sektor seperti sektor kerajaan, swasta, klinik

dari Bahagian Pergigian hadir bagi memeriahkan majlis berkenaan.

Selain juadah Hari Raya yang disajikan kepada para pengunjung, majlis berkenaan juga turut diserikan lagi dengan pertandingan PENJURU

Sehubungan dengan Hadir selaku tetamu kehormat



1. **DA / JKSH / 24 / 2024 / 2025 [BPPA-APRIL-2024]**  
Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :  
1. Sekolah Rendah Dato Jamil  
2. Sekolah Rendah Kg Bendahara Lama  
3. Sekolah Rendah Haji Tarif Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam.  
Kod Blok : SM/03  
Bagi Tempoh Lima (5) Bulan
2. **DA / JKSH / 25 / 2024 / 2025 [BPPA-APRIL-2024]**  
Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :  
1. Sekolah Rendah Amar Pahlawan  
2. Sekolah Rendah Pulaie, Jalan Pulaie, Berakas Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam.  
Kod Blok : SM/06  
Bagi Tempoh Tiga (3) Bulan
3. **DA / JKSH / 26 / 2024 / 2025 [BPPA-APRIL-2024]**  
Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :  
1. Sekolah Rendah Berakas Garison  
2. Sekolah Rendah Pantai Berakas Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam.  
Kod Blok : SM/08  
Bagi Tempoh Lima (5) Bulan
4. **DA / JKSH / 27 / 2024 / 2025 [BPPA-APRIL-2024]**  
Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :  
1. Sekolah Rendah Pular Ulag  
2. Sekolah Rendah Hj Muhd Jaafar Maun, Kiulap Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam.  
Kod Blok : SM/17  
Bagi Tempoh Lima (5) Bulan
5. **DA / JKSH / 28 / 2024 / 2025 [BPPA-APRIL-2024]**  
Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :  
1. Sekolah Rendah Bebuloh  
2. Sekolah Rendah Kasat  
3. Sekolah Rendah Putat  
4. Sekolah Rendah Nakhoda Abd Rashid, Menungguol  
5. Sekolah Rendah Tanjong Kindana Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam.  
Kod Blok : SM/27  
Bagi Tempoh Lima (5) Bulan
6. **DA / JKSH / 29 / 2024 / 2025 [BPPA-APRIL-2024]**  
Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah

- Bahagian Skim Minum Bagi :  
Sekolah Rendah Kapok  
Daerah Brunei Muara  
Kementerian Pendidikan  
Negara Brunei Darussalam.  
Kod Blok : SM/32  
Bagi Tempoh Lima (5) Bulan
7. **DA / JKSH / 30 / 2024 / 2025 [BPPA-APRIL-2024]**  
Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :  
Sekolah Rendah Perpindahan Kg Lambak, Jalan 10 Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam.  
Kod Blok : SM/39  
Bagi Tempoh Enam (6) Bulan
  8. **DA / JKSH / 31 / 2024 / 2025 [BPPA-APRIL-2024]**  
Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :  
1. Sekolah Rendah Pg Kesuma Negara Kg Bukit Beruang  
2. Sekolah Rendah Perpindahan Bukit Beruang II  
3. Daerah Tutong Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam.  
Kod Blok : SM/47  
Bagi Tempoh Tiga (3) Bulan
  9. **DA / JKSH / 32 / 2024 / 2025 [BPPA-APRIL-2024]**  
Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :  
1. Sekolah Rendah Kuala Belait  
2. Sekolah Rendah Sungai Teraban  
3. Sekolah Rendah Muhammad Alam, Seria Daerah Belait Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam.  
Kod Blok : SM/48  
Bagi Tempoh Tiga (3) Bulan
  10. **DA / JKSH / 33 / 2024 / 2025 [BPPA-APRIL-2024]**  
Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :  
1. Sekolah Rendah Panaga  
2. Sekolah Rendah Ahmad Tajuddin Daerah Belait Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam.  
Kod Blok : SM/49  
Bagi Tempoh Lima (5) Bulan
  11. **DA / JKSH / 34 / 2024 / 2025 [BPPA-APRIL-2024]**  
Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :  
1. Sekolah Rendah Sultan Hashim, Batu Apoi  
2. Sekolah Rendah Rataie Daerah Temburong Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam.  
Kod Blok : SM/58  
Bagi Tempoh Enam (6) Bulan
  12. **DA / JKSH / 35 / 2024 / 2025 [BPPA-APRIL-2024]**  
Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Asrama Makan Bagi :  
1. Sekolah Rendah DMS Dian Sukang  
2. Sekolah Rendah Melilas Daerah Belait Kementerian Pendidikan



Negara Brunei Darussalam.  
Kod Blok : AM/01  
Bagi Tempoh Tiga (3) Bulan

13. **DA / JKSH / 36 / 2024 / 2025 [BPPA-APRIL-2024]**  
Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Asrama Kering Bagi :  
Sekolah Rendah Pg Jaya Negara Pg Haji Abu Bakar, Mumong, Kuala Belait Daerah Belait Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam.  
Kod Blok : AK/07  
Bagi Tempoh Lima (5) Bulan

**Bayaran Yuran Sebut Harga : BND5.00**

**Tarikh Tutup / Waktu :**  
Sabtu, 18 Mei 2024  
(Jam 9.00 Pagi)



**RUJUKAN TAWARAN :**  
MINDEF / DFA / INFRA / FY2023 / T / BKS / 004  
[JPPK / LTK / 10 / 2023]  
Proposed Design & Build For Upgrading Works Of Walkway At Bangunan Bilik-Bilik Darjah, Sekolah Rendah Berakas Garrison

**Tarikh Mula Tawaran :**  
29 April 2024

**Kelas :**  
III dan ke atas sahaja

**Kategori :**  
KA01 atau B01

**Tempoh Penyiapan Kerja :**  
TIGA (03) BULAN

**Yuran Tawaran :**  
BND 30.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Selasa, 21 Mei 2024

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa, 28 Mei 2024  
2.00 petang



**Bilangan Tawaran:**  
JDT / KPD / 03 / 2024 - 2025

**Tajuk Tawaran:**  
Repair And Renovation Works To VIP Toilets At Official Residence Tutong District Officer, Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran :**  
BND5.00

**Tarikh Tutup Menghadapkan Tawaran :**  
Khamis, 9 Mei 2024  
Jam 2.00 petang



**Bilangan Tawaran:**  
JPB / 02 / 2024

**Keterangan:**  
Twelve (12) Months Term Contract For Comprehensive Maintenance Service On CCTV Surveillance System, Intercom System, Access Control System And Prison Lock System At Maraburong Prison Phase 3, Jabatan Penjara

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00

**Tarikh Tutup Dan Waktu:**  
Selasa,  
21 Mei 2024  
Tidak lewat jam 2.00 Petang

**Waktu-Waktu Menerima / Mengambil Dokumen Tawaran**  
Isnin - Khamis  
8.00 Pagi Hingga 11.30 Pagi

Sabtu  
8.00 Pagi Hingga 10.00 Pagi



Pemohon-Pemohon terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut; -

**JAWATAN :  
PENYELENGGARA  
STOR TINGKAT I**

**TANGGA GAJI :  
D.4. EB.5 [BND1,225 - BND1,625]**

**KEKOSONGAN :  
1 ORANG**

**Menghadapkan Borang Permohonan**

**Bagi Pemohon Yang Tidak Berkhidmat Dengan Kerajaan**

Pemohon-pemohon hendaklah melengkapkan permohonan melalui pautan ini: <https://bit.ly/PSTKT1>

Hendaklah memuat naik salinan sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) yang terkini dan dokumen-dokumen yang berkaitan. Borang permohonan hendaklah diisikan dengan lengkap tidak lewat 12 Mei 2024.

**Bagi Pemohon Yang Berkhidmat Dengan Kerajaan**

Pemohon-pemohon hendaklah melengkapkan permohonan melalui pautan: <https://bit.ly/PSTKT1>

Hendaklah memuat naik salinan sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) yang terkini dan dokumen-dokumen yang berkaitan. Permohonan hendaklah diisikan dengan lengkap tidak lewat 12 Mei 2024.

Pemohon-pemohon juga dikehendaki untuk menghadapkan salinan asal dokumen-dokumen yang lengkap (melalui Ketua Jabatan) seperti berikut:

1. Satu (1) Laporan Sulit
  2. Salinan Prestasi bagi tempoh 3 tahun kebelakangan (sekarang-kurangnya sangat baik)
  3. Satu (1) salinan rekod perkhidmatan yang telah dikemaskinikan
- Kepada:**
- Pejabat Sumber Tenaga Manusia  
Universiti Brunei Darussalam  
Jalan Tungku Link,  
Gadong BE1410  
Negara Brunei Darussalam  
[U.P: Bahagian Pengambilan]**
- Permohonan yang tidak lengkap, tidak mengikut tatacara yang ditetapkan dan lewat diterima tidak akan dilayan.
- Hanya pemohon - pemohon yang disenarai pendek (*shortlisted*) sahaja akan dihubungi bagi urusan temu duga.





**TAWARAN TAPAK BAGI MENJALANKAN PUSAT PEMASARAN DI KAWASAN KEMAJUAN PERTANIAN MULAUT DAERAH BRUNEI DAN MUARA**

**BILANGAN : 06 / 2024**

Tawaran bagi mempelawa pengusaha-pengusaha untuk menghadapi permohonan bagi menjalankan Pusat Pemasaran seperti berikut :-

**Lokasi :**

Lot F, Kawasan Kemajuan Pertanian Mulaut, Daerah Brunei dan Muara

**Keluasan Kawasan :**

1.0 hektar

**Syarat :**

Pusat Pemasaran/Penjualan Produk-Produk Pertanian Tempatan (Tanaman, Ternakan,



Agrimakanan)

**Tempoh Iklan :**  
4 minggu

**Tarikh Mula Pembelian Borang :**  
Isnin,  
22 April 2024

**Tarikh Akhir Pembelian Borang :**  
Sabtu,  
18 Mei 2024

**Tarikh Lawatan Dan Taklimat :**  
Selasa,  
21 Mei 2024

**Tarikh Akhir Menghantar :**  
Rabu,  
19 Jun 2024  
sebelum jam 3.00 petang

**Harga Penjualan Borang :**  
BND1.00 / borang



**Tajuk Sebut Harga:**  
1. RTB / K / 08 / 24 - 25 – Provision Of Security Guard Services For The RTB Secretariat Building, RTB Tutong And RTB Kuala Belait For Period Of One (1) Year

**Bayaran Yuran / (termasuk e-dokumen):**  
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

**Salinan Kertas / (Hardcopy):**  
BND5.00 (jika perlu dan tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**  
Rabu, 8 Mei 2024,  
jam 2.00 petang



**Tajuk Sebut Harga:**  
1. RTB / K / 09 / 24 - 25 – Cleaning Of Radio Television Brunei Temburong Studio For A Period Of Three (3) Years  
2. RTB / K / 10 / 24 - 25 – Cleaning Of The Secretariat Building, Radio Television Brunei For A Period Of Three (3) Years  
3. RTB / K / 07 / 24 - 25 – Soft Landscape Maintenance And Grass Cutting For The Secretariat Building, Radio Television Brunei For A Period Of Three (3) Years  
4. RTB / K / 06 / 24 - 25 –



Soft Landscape Maintenance For Radio Television Brunei Broadcasting Complex, Sungai Akar For A Period Of Three (3) Years

**Bayaran Yuran / (termasuk e-dokumen):**  
BND5.00 (tidak dikembalikan)

**Salinan Kertas / (Hardcopy):**  
BND5.00 (Jika perlu dan tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**  
Rabu,  
8 Mei 2024,  
jam 2.00 petang



**1. Bilangan Sebut Harga :**  
KHEU / JPI / JKS / PPS (JPI) / 2024 – 2025  
Perkhidmatan Pembuangan Sampah Tempoh 2 Tahun Bagi Bangunan Jabatan Pengajian Islam Blok 2 I, Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan, BA1311

**2. Bilangan Sebut Harga :**  
KHEU / JPI / JKS / PPR (K) / 2024 – 2025  
Perkhidmatan Pemothon Rumput Tempoh 2 Tahun Bagi Zon 'K'

Di Bawah Kawalan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam TAHUN 1445H-1446H / 2024M-2025M

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Rabu, 6 Zulkaedah 1445H / 15 Mei 2024M  
Tidak lewat jam 2.00 petang.



**Bil. Sebut Harga:**  
KHEU / JPI / JKS / 01 / 2024 - 2025

**Keterangan :**  
Membekal Dan Menghantar Hadiah Majlis Pelajar Cemerlang Bagi Pelajar-Pelajar Sekolah Arab Sultan Haji Hassanah Bolkuah, Rimba, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tahun 1445H / 2023M



**Bayaran Yuran Tawaran :**  
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Rabu,  
6 Zulkaedah 1445H / 15 Mei 2024M  
Tidak lewat jam 2.00 petang.



Jawatan Kosong Sebagai

Ketua Kampung Tingkat I PMKK.3 (BND2,270.00 - BND4,240.00)

Atau

Ketua Kampung Tingkat II PMKK.2 (BND1,990.00 - BND2,970.00)

Atau

Ketua Kampung Tingkat III PMKK.1 (BND1,280.00 - BND2,270.00)

bagi

Daerah Tutong

- Kampung Petani, Mukim Pekan Tutong
- Kampung Pengkalan Mau, Bakiau dan Batang Mitus, Mukim Kiudang
- Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang Kawasan 2, Mukim Telisai
- Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang Kawasan 4, Mukim Telisai



- Kampung Layong, Mukim Lamunin
- Kampung Merimbun, Mukim Rambai

**Tatacara Menghadapkan Borang Pencalonan:**

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut :-

**Bahagian Institusi Mukim dan Kampung Jabatan Daerah Tutong Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada **Sabtu, 25 Mei 2024, jam 4.00 Petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian +673 4222491



**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dalam**

**Kelas :**  
Terbuka

**Kategori :**  
Terbuka

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**  
Sabtu,  
6 April 2024

**Tarikh Tutup :**  
Selasa,  
30 April 2024,  
Jam 12.00 Tengah Hari.

**Bilangan Tawaran:**  
KHEDN / LTK / 2024-03

**Nama Projek:**  
Kontrak Penggal Bagi Penyewaan Dan Pemasangan Khemah-Khemah Dan Kelengkapan Serta Perhiasan Di Ke Empat Daerah Sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Bilangan Projek:**  
KHEDN / BPE / B01303-05

**Yuran Tawaran :**  
BND30.00 (Tidak dikembalikan)



**Pemberitahuan Sebut Harga**

**Bilangan Tawaran :**  
JPKK / JKSH2425-QTN.01 / FSS

**Tajuk Tawaran :**  
The Supply And Delivery Of One Thousand Three Hundred (1,300) Pieces Of Negara Brunei Darussalam's Flag 3' X 6' Woolen Bunting Sewn With State Colour And State Crest In Red Colour On Both Side For The Treasury Department, Ministry Of Finance and Economy

**Tarikh Tutup / Jam :**  
4 Mei 2024 – Sabtu (9.00 Pagi)

**Tempat Menghantar Tawaran :**  
Peti Sebut Harga, Jabatan Perbendaharaan Tingkat 2, Tower Block Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam



# 33 PESERTA SERTAI KURSUS LIFE SAVER 995



ANTARA peserta yang mengikuti Kursus Life Saver 995 (kiri dan kanan).



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Ihsan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 27 April. - Seramai 33 peserta yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Majlis Perundingan Kampung Zon 4 Kampong Ayer serta para belia dan penduduk Kampung Bolkiah 'A' dan 'B' telah mengikuti Kursus Life Saver 995, hari ini.

Kursus yang berlangsung di perkarangan masjid tersebut telah dikendalikan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) menerusi Cawangan Operasi 'D' iaitu ABK536 Awang Haji Ashri bin Haji Apong dan AB56 Abd. Zuhlilmi bin Haji Ismail dengan kolaborasi

bersama Balai Bomba Sungai Kebun, ASO Awang Haji Ali bin Haji Md. Noor dengan jumlah keramaian sembilan anggota.

Selain taklimat yang disampaikan, para peserta juga ditunjukkan dengan beberapa demonstrasi dan kemudiannya melakukan secara fizikal serta praktikal bagi pengetahuan dan pengalaman masing-masing ketika menghadapi situasi kecemasan

Tujuan kursus tersebut bagi menimba ilmu kepada semua lapisan masyarakat untuk menangani serba sedikit tentang cara ketika memadamkan api kebakaran, penggunaan peralatan untuk kebakaran dan cara bagaimana untuk menyelamatkan mangsa yang terluka atau tidak sedarkan diri.

Turut hadir, Penghulu Mukim Zon

2 Kampong Ayer, Awang Raimi bin Awang Rashid; Ketua Perhubungan Awam JBP, ASFR Pengiran Mohd. Ali Rahman bin Pengiran Haji Salleh; Pemangku-pemangku Ketua Kampung Zon 4 Kampong Ayer iaitu Awang Samsuddin bin Haji Maidin dan Awang Shaminan bin Haji Matzin serta Ketua Imam / Imam Tingkat I, Masjid YSHHB, Awang Haji Jalaluddin Jamil bin Mohd. Kushairi

Azam. Adanya kursus seumpama ini wajar akan dilartakan lagi kepada penduduk Kampong Ayer mengikut tadahan setiap ketua-ketua kampung yang ada kerana ia amat penting bagi mengetahui tentang kegunaan satu persatu peralatan kecemasan api kebakaran serta cara untuk menyelamatkan jika terdapat mangsa yang cedera dan tidak sedarkan diri

## Penyelenggaraan jejantas di Jalan Sekolah, BSB



**PENUTUPAN** sementara separuh jalan di Jalan Sekolah, Bandar Seri Begawan (BSB) mula dilaksanakan pada Isnin, 29 April hingga Selasa, 30 April 2024.

■ Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Kerja Raya

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 28 April. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai terutama kepada para pengguna jalan raya mengenai penutupan sementara separuh jalan di Jalan Sekolah, Bandar Seri Begawan (BSB). Penutupan berkenaan akan

mula dilaksanakan pada Isnin, 29 April hingga Selasa, 30 April 2024, mulai jam 10.00 malam hingga 5.00 pagi. Sebab penutupan adalah bagi memberi ruang untuk kerja-kerja penyelenggaraan jejantas di jalan berkenaan (sila rujuk peta). Sehubungan dengan itu, pihak jabatan ingin mengingatkan

kepada para pengguna jalan dinasihatkan untuk mematuhi papan tanda arahan jalan raya serta had kelajuan yang telah ditetapkan.

Sebarang aduan, orang ramai bolehlah menghubungi pihak Jabatan ini melalui Talian Darussalam : 123 / Livechat +673 8333123, Facebook *Jabatan Kerja Raya, Brunei Darussalam* dan e-mel *pro@pwd.gov.bn*.

## Penutupan sementara separuh jalan di Jejambatan Hassanal Bolkiah



**PENUTUPAN** sementara separuh jalan di Jejambatan Hassanal Bolkiah, Lebuhraya Sultan Hassanal Bolkiah (Hala Sungai Akar) pada Isnin, 29 April hingga Rabu, 29 Mei 2024.

■ Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Kerja Raya

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 28 April. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai terutama kepada para pengguna jalan raya mengenai penutupan sementara separuh jalan di Jejambatan Hassanal Bolkiah, Lebuhraya Sultan Hassanal Bolkiah (Hala Sungai Akar). Penutupan berkenaan akan mula dilaksanakan pada Isnin, 29 April 2024 hingga Rabu, 29 Mei 2024, mulai jam 10.00 malam hingga 5.00 pagi.

Sebab penutupan adalah bagi memberi ruang untuk kerja-kerja penyelenggaraan jejambatan di jalan berkenaan (sila rujuk peta). Sehubungan dengan itu, pihak jabatan ingin mengingatkan kepada para pengguna jalan dinasihatkan untuk mematuhi papan tanda arahan jalan raya serta had kelajuan yang telah ditetapkan.

Sebarang aduan, orang ramai bolehlah menghubungi pihak Jabatan ini melalui Talian Darussalam : 123 / Livechat +673 8333123, Facebook *Jabatan Kerja Raya, Brunei Darussalam* dan e-mel *pro@pwd.gov.bn*.

### ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

BARU

**PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN**

- Kelulusan Pendidikan Tinggi (Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PhD) atau setaraf (diambil pengiraan nilai diiktirafkan terestruktur)
- Kelulusan Pendidikan Menengah (PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau setaraf / Kelulusan setaraf)
- Tamat Persekolahan bagi penonch yang memusatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja

**PANDUAN MUATANBUAH DOKUMEN**

- Maklumat Peribadi (Kad Pengaman / Pasport / Gambar Terkini)
- Maklumat Lesen Memandu
- Kelulusan Pendidikan Tinggi (Sijil / Ijazah (diiktirafkan diiktirafkan) / PMOK (jika dari Institut Swasta / Luar Negeri))
- Kelulusan Pendidikan Menengah (Sijil / Ijazah (diiktirafkan diiktirafkan) / PMOK (jika dari Institut Swasta / Luar Negeri))
- Tamat Persekolahan (Sijil berhadiah Sekolah)

**PANDUAN PENGALAMAN KERJA**

- Pengalaman Kerja Kerajaan (memadatkan "1" pada jawatan setaraf / prestasi 3 tahun sebelumnya / pencapaian profil pegawai sebelumnya / tempoh kerja yang terasat / terbaharui dalam tempoh 60 / 90 / 120 hari (jika terasat yang baharu))
- Pengalaman Kerja Swasta
- Pengalaman Kerja Beruniform
- Pengalaman Berkerja Sendiri
- Penempatan Kerja
- Tidak Bekerja

**PANDUAN KEKEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESIONAL**

- Kelayakan Profesional
- Peperiksaan Kesetiausahaan
- Kemahiran Bahasa
- Lain-Lain Kemahiran

**PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS**

- Peperiksaan Kerajaan
- Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)
- Kursus Industri Perkhidmatan Awam
- Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)
- Program Pembangunan Eksekutif



# IBU BAPA BERPERANAN MENCORAK, MENDIDIK ANAK-ANAK

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Adzrie Pg. Haji Nikman

**BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 27 April.** - Anak merupakan kurnia dan anugerah yang diamanahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk dijaga dengan baik dan penuh kasih sayang.

Oleh sebab itulah, mereka dilahirkan dalam keadaan fitrah ibarat kain putih yang suci bersih.

Peranan Ibu bapa adalah begitu penting untuk sentiasa mengambil tahu akan perkembangan anak-anak serta memantau apa juga aktiviti yang mereka lakukan.

Selain itu, ibu bapa juga bertanggungjawab untuk memerhati setiap gerak geri mereka serta mengambil tahu apa juga masalah yang mereka hadapi.

Ibu bapa juga perlu bekerjasama dengan guru dan jika ada permasalahan yang timbul, berbincanglah secara baik.

Keluarga yang bahagia dan saling berkasih sayang dapat membentuk individu yang berjaya di dunia dan di akhirat.

Justeru itu, ibu bapa bertanggungjawab memainkan peranan yang penting bagi

mencorak dan mendidik anak-anak dengan didikan yang baik dan sempurna.

Tugas mendidik anak-anak bukan satu tugas yang mudah dan tidak boleh dipandang ringan kerana didikan ibu bapa pada peringkat awal adalah pintu ke arah kebahagiaan masa depan anak-anak lebih-lebih lagi pada zaman moden yang penuh dengan pelbagai cabaran ini.

Ibu bapa hendaklah sentiasa memata-matai kelakuan anak-anak, mengambil berat dan mengambil tahu tentang apa yang dilakukan mereka ketika berada di dalam atau luar rumah.

Selain itu, ibu bapa juga hendaklah memastikan masa anak-anak diisikan dengan perkara yang berfaedah dan tidak akan merugikan masa, seperti melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti perpustakaan, masjid, melakukan riadah atau meluangkan masa melawat ke tempat-tempat bersejarah atau menarik yang terdapat di negara ini.

Dengan pengisian masa

**DIDIKAN awal ibu bapa adalah sangat penting bagi menjamin kehidupan anak-anak lebih sempurna.**

yang terancang dan aktiviti yang berfaedah akan dapat memberi kebaikan yang banyak, seperti dapat menambah ilmu pengetahuan, merapatkan hubungan kekeluargaan sekaligus dapat membimbing mereka menjadi manusia yang pandai menghargai masa dan tentunya akan menjauhkan mereka daripada terlibat dengan aktiviti-aktiviti negatif.

Ibu bapa juga perlu membudayakan anak-anak dengan menghormati ibu bapa, meluangkan lebih banyak waktu bersama keluarga, mengelakkan terlalu lama bermain dengan gadget dan sebagainya.

Di samping itu, mempraktikkan



anak-anak dengan berkelakuan baik dan sopan santun, memperhatikan ucapan dan ayat-ayat yang dipertuturkan supaya tidak menyinggung perasaan

sesiapa sahaja. Oleh itu, didikan awal ibu bapa adalah sangat penting bagi menjamin kehidupan anak-anak lebih sempurna.

## Tingkatkan kesedaran pentingnya air dalam kehidupan

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**MENTIRI, Sabtu, 27 April.** - Air merupakan sumber kehidupan yang penting bagi semua makhluk. Air yang bersih adalah nikmat yang besar kepada kehidupan kita. Cuba

kita bayangkan, apa akan terjadi jika tidak ada air bersih untuk kegunaan kita sehari-hari. Sememangnya jika kita meminum dan menggunakan air yang tidak bersih, kesannya boleh menyebabkan masalah kepada kesihatan dan sebagainya. Pentingnya air untuk kehidupan

manusia bukan setakat untuk keperluan harian sahaja, bahkan air juga diperlukan untuk beribadat, untuk pertanian, pengangkutan dan mampu membawa pembangunan di sesebuah tempat.

Tanpa air juga, haiwan-haiwan akan mati, tanah akan menjadi tandus dan gersang menyebabkan tumbuh-tumbuhan yang sebelumnya tumbuh segar menghidu akan layu dan kering hingga akhirnya mati. Hakikatnya, kita masih kurang menghargai kepentingan air dan terus mengeksploitasi penggunaannya dari semasa ke semasa.

Sebagai pengguna juga kita perlu bijak dalam menggunakan air, iaitu dengan berjimat cermat dan tidak membazir serta menggunakan air dengan kadar yang berpatutan dan yang diperlukan sahaja.

Dalam Khutbah Jumaat baru-baru ini mengingatkan bahawa terdapat beberapa negara luar menghadapi

masalah kekurangan bekalan air atau masalah pencemaran kepada sumber air yang ada.

Menurut statistik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada masa ini lebih dua bilion orang tidak mendapat bekalan air yang bersih. Mereka terpaksa mengangkat sendiri air dari telaga atau sungai menuju ke rumah masing-masing untuk kehidupan seharian.

Lebih membimbangkan lagi adalah kesan kepada mereka yang meminum dan menggunakan air yang tidak bersih atau tercemar, akan menyebabkan masalah kepada kesihatan dan juga kematian akibat wabak penyakit dan sebagainya.

Oleh yang demikian, kita wajib bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan limpah kurnia tersebut dan marilah kita sama-sama meningkatkan kesedaran betapa pentingnya air



**SEBAGAI pengguna kita perlu bijak dalam menggunakan air, iaitu dengan berjimat cermat.**

dalam kehidupan kita seharian, di samping mengubah sikap dengan mengambil langkah berjimat cermat dalam penggunaan air bagi mengelakkan pembaziran, iaitu menggunakan air dengan mengikut kadar keperluan sahaja.

Ini secara tidak langsung akan dapat mengurangkan perbelanjaan kerajaan untuk membersihkan, merawat dan membekalkan air untuk kita gunakan setiap hari.

**Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia**  
Sila muat turun  
**PenggunaBijak**

**سوروهنجاي فرخدمتن عوام**  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

## PENTING SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

**BARU**

**IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP**

- × Permohonan tidak akan diproses.
- × Maklumat yang dihidapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja

TIDAK DIPERAKUKAN

**DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR**

- × Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- × Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- × Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- × Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

**Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur** semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.

Memahami bahawa maklumat profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya permohonan tidak akan diproses.

# IMBASAN MINGGUAN



SEBAHAGIAN aksi Perlawanan Persahabatan di antara DPMM FC menentang Guangxi Pingguo FC yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

KECERIAAN peserta kanak-kanak yang turut sama mewarnai Persembahan Pentas dengan membawakan tema 'Membudayakan Belia Pemeduliaan dan Prihatin' pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1445 Hijrah / 2024 Masihi anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa. - Foto : Azmah Haji Ahad



SURUHANJAYA Tinggi Australia di Negara Brunei Darussalam mengadakan Majlis Memperingati Hari ANZAC di Tugu Peringatan Brunei-Australia, bertempat di Pantai Muara bersempena memperingati jasa anggota tentera Australia. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

ANTARA persembahan daripada Jawatankuasa Takmir, Pegawai-pegawai Masjid Kawasan Zon 4 dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Masjid, Daerah Brunei dan Muara semasa Majlis Silaturahmi dan Ramah Mesra bersempena Hari Raya Aidilfitri bagi Tahun 2024M / 1445H berlangsung di Tokyo Hall, The Airport Mall. - Foto : Azmah Haji Ahad



PERBARISAN rekrut lelaki bagi Pengambilan Ke-173 telah berjaya menamatkan latihan asas ketenteraan yang mengambil tempat di Padang Kawad Institut Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (IL ABDB), Penanjong Garison. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman

# BAHAN MENTAH TANPA PERMIT IMPORT HALAL BERJAYA DIRAMPAS



ANTARA hasil rampasan daripada operasi bersepadu yang telah dijalankan oleh pegawai-pegawai penguatkuasaan Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah (JHES), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) bersama Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) (kiri dan kanan).

Kes tersebut seterusnya diserahkan kepada pihak JKED untuk siasatan lanjut dan tindakan undang-undang mengenainya.

Sehubungan dengan itu, KHEU ingin mengingatkan orang ramai bahawa membawa masuk daging mentah halal ke Negara Brunei Darussalam hendaklah mempunyai Permit Import Halal daripada Majlis Ugama Islam Brunei di samping memenuhi kehendak-kehendak yang ditetapkan oleh agensi-agensi lain yang berkaitan dengan pengimportan daging halal.

Perkara itu adalah sangat mustahak dan perlu dipatuhi agar daging yang dibawa masuk dan dijual di negara ini khususnya, kepada orang Islam adalah terjamin kehalalannya.

KHEU ingin mengucapkan

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama



setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas maklumat yang diterima berhubung perkara tersebut.

Orang ramai yang ingin membuat pengaduan serta perkongsian maklumat mengenai sebarang pelanggaran undang-undang melibatkan daging halal, bolehlah berhubung terus ke JHES melalui Bahagian Kawalan Makanan

Halal menerusi talian Hotline +673 7166222 atau mana-mana pejabat Bahagian Kawalan Makanan Halal di setiap daerah.

Bahagian Kawalan Makanan Halal, JHES bersama-sama agensi penguatkuasaan lain akan sentiasa meningkatkan rondaan dan operasi bagi memastikan undang-undang dan peraturan-peraturan di negara ini sentiasa dipatuhi.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 27 April. - Satu operasi bersepadu telah dijalankan oleh pegawai-pegawai penguatkuasaan Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah (JHES), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) bersama Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) pada 25 April 2024 kira-kira pukul 8.15

malam di kawasan Perindustrian Salambigar, Kampung Salambigar. Hasil daripada operasi tersebut, telah menahan sebuah kenderaan Toyota Kijang dan berjaya merampas sebanyak 10 kotak sayap ayam dan satu kotak tongkeng ayam yang membawa jumlah berat keseluruhannya 110 kilogram (kg).

## Syarikat kena kompaun kerana buang sisa air kotor di tempat awam

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Belait, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri



**BELAIT,** Sabtu, 27 April. - Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Belait baru-baru ini telah menerima aduan dari penduduk Kampung Lumut melalui Ketua Kampung Lumut II mengenai satu aktiviti kerja-kerja pembuangan sisa air kotor yang mana Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Belait telah pun mengeluarkan satu denda kompaun berjumlah BND2,000 ke atas sebuah syarikat yang dilantik bagi kerja-kerja pengangkutan sampah di kawasan rumah-rumah awam kerana telah menyalahi di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian, 2021 (Penggali 30), Bab 12 (1) (c) iaitu membuang cecair yang menyebabkan mengalir atau jatuh ke sebarang tempat awam, apa saja jenis cecair lain yang busuk dan kotor.

Syarikat terbabit diberikan tempoh selama satu minggu untuk menjelaskan denda kompaun berkenaan dan jika gagal menjelaskan pembayaran, syarikat berkenaan boleh didakwa ke mahkamah.

Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Belait sekali lagi memberi peringatan bagi kesalahan-

**UNIT** Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Belait mengeluarkan satu denda kompaun berjumlah BND2,000 ke atas sebuah syarikat yang dilantik bagi kerja-kerja pengangkutan sampah di kawasan rumah-rumah awam kerana telah menyalahi di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian, 2021 (Penggali 30), Bab 12 (1) (c) iaitu membuang cecair yang menyebabkan mengalir atau jatuh ke sebarang tempat awam, apa saja jenis cecair lain yang busuk dan kotor.

kesalahan berkaitan dengan pembuangan sampah di tempat awam iaitu mana-mana individu yang melakukan kesalahan di bawah bab ini, jika sabit kesalahan, boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang dari BND1,000 dan tidak melebihi BND3,000 bagi kesalahan pertama dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan denda tidak kurang dari BND3,000 dan tidak melebihi BND9,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Manakala badan-badan korporat yang melakukan kesalahan pertama di bawah bab ini boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang dari BND2,000 dan tidak melebihi BND10,000 dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan denda tidak kurang dari BND10,000 dan tidak melebihi BND30,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Operasi atau pemeriksaan harian yang dijalankan adalah bertujuan bagi memastikan kebersihan persekitaran agar lebih terjaga dan mana-mana individu atau syarikat yang melakukan pembuangan sampah secara tidak bertanggungjawab akan dikenakan tindakan mengikut undang-undang yang telah disediakan.

Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Belait, sentiasa memberi peringatan kepada mana-mana individu ataupun badan-badan korporat agar mematuhi segala peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa di negara ini bagi sama-sama menjaga kebersihan kawasan dan alam sekitar dengan membuang bahan-bahan buangan di kawasan yang telah disediakan oleh pihak Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Sebarang aduan bolehlah menghubungi menerusi talian +673 3334335 sambungan 1404 atau 1153 (Unit Penguatkuasaan).

كمنترين كصحتين  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
MINISTRY OF HEALTH

**Selamatkan Usus Awda.**  
*Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.*

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai **program pemeriksaan kanser kolorektal**, sila jumpa\* Doktor awda hari ini atau layari [www.ppkk.gov.bn](http://www.ppkk.gov.bn)

PENGESAHAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA  
*Selamatkan Usus Awda*

\*Sasaran pemeriksaan:  
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

# Planet lawan plastik

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim

Ilustrasi : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

**B**UMI merupakan salah satu planet yang didiami oleh jutaan spesies, termasuklah manusia. Semua spesies yang tinggal di planet bumi ini memerlukan alam sekitar yang bersih. Dari sudut pembangunan sesebuah negara pula, alam sekitar yang berdaya tahan memainkan peranan penting di samping satu keperluan bagi negara itu terus maju dalam pelbagai bidang.

## Hari Bumi

Tarikh 22 April setiap tahun, masyarakat global memperingati Sambutan Hari Bumi, iaitu satu wadah bagi jangkauan secara kolektif dalam melindungi alam persekitaran di seluruh dunia. Tahun ini sambutan bertemakan 'Planet vs Plastik', Sambutan Hari Bumi 2024 memfokuskan kepada tiga matlamat iaitu Kesedaran Dalam Kesihatan (Health Awareness), Permintaan Kepada Perubahan (Demand Change) dan Penyelesaian Yang Inovatif (Innovative Solutions). Tema Sambutan Hari Bumi tahun ini adalah sangat bertepatan dengan keperluan untuk menangani isu global dan nasional perihal plastik. Ia adalah

seruan kepada semua individu untuk bersatu dalam penamatan bahan-bahan plastik demi kesihatan manusia dan planet. Tema juga menekankan pengurangan dalam penghasilan bahan plastik global kepada 60 peratus menjelang tahun 2040 bagi mencapai matlamat utama dalam membina masa depan yang bebas plastik untuk generasi yang akan datang.

Sementara itu Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid dalam perutusan bersempena Sambutan Hari Bumi 2024 yang baru lalu menyatakan bahawa Negara Brunei Darussalam (NBD) telah pun menyedari implikasi penggunaan plastik sekali guna dan seterusnya mengambil langkah-langkah ke arah pengurangannya secara berterusan ke arah mengurangkan penajanaan sisa plastik dan pencemaran plastik, sejajar dengan amalan terbaik global iaitu mengikut hierarki pengurusan sisa buangan atau waste management hierarchy. Menurut Yang Berhormat, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, negara menyaksikan pendekatan senegara giat dilaksanakan oleh pihak-pihak yang berkepentingan dari

agensi-agensi kerajaan, sektor swasta, badan-badan bukan kerajaan dan pengusaha-pengusaha mikro, kecil dan sederhana (MSME) dalam mempromosikan inisiatif-inisiatif yang menjurus kepada pengurangan penggunaan barang-barang plastik sekali guna dan dalam masa yang sama menggalakkan konsep mengguna semula.

Dalam perutusan itu juga Yang Berhormat menekankan bahawa komitmen dan sokongan semua pihak termasuk agensi kerajaan, sektor swasta, pihak pengurusan acara, peniaga-peniaga dan orang awam adalah penting dan perlu diperkuatkan untuk memastikan setiap individu memainkan peranan masing-masing dalam menjayakan Kempen Melaratkan Inisiatif Setiap Hari Tanpa Beg Plastik di Gerai Ramadan Belia sepanjang bulan Ramadan 1445 Hijrah sekali gus menyumbang kepada usaha negara untuk mencapai persekitaran yang lestari sejajar dengan Matlamat 2 Wawasan Brunei 2035.

## Komitmen negara

Di samping itu, tambah Yang Berhormat lagi komitmen negara di arena antarabangsa dalam menangani isu plastik turut dititikberatkan dengan penglibatan aktif NBD di dalam

'Intergovernmental Negotiating Committee' yang diberi mandat untuk menggubal satu perjanjian global bagi menangani pencemaran plastik, seperti yang ditetapkan di dalam resolusi 5/14 bertarikh 2 Mac 2022 bertajuk : 'End Plastic Pollution : Towards An International Legally Binding Instrument' yang dihasratkan untuk dimuktamadkan menjelang akhir tahun 2024. Ini menunjukkan kesungguhan dunia dalam sama-sama berganding bahu untuk mencapai kata sepakat dan jalan penyelesaian bagi masalah plastik yang tidak mengenal sempadan.

## Lindungi bumi

Marilah kita bersama-sama melindungi planet bumi tempat kita berteduh ini daripada pencemaran yang diakibatkan oleh plastik demi mengelakkan kemungkinan kemusnahan terhadap ekosistem semula jadi negara. Semaikanlah dan pupuklah rasa tanggungjawab dalam diri kita dengan perkembangan terkini mengenai isu pencemaran dan jalan penyelesaian plastik yang sekali gus menyumbang secara positif ke arah penjagaan dan pemeliharaan planet bumi kita dari kesan plastik secara menyeluruh efektif dan berpanjangan.





## Melatih anak membuat kerja rumah sejak kecil

Oleh : Norliah Md. Zain

Foto : Jabatan Penerangan, Ihsan Nora Salfarina Awang Haji Mohd. Ali, Ihsan Nadzatul Elmy Lim

**R**UTIN membuat kerja-kerja rumah sememangnya agak meleihkan dan tidak akan habis-habisnya. Namun rutin ini boleh membantu individu menjadi orang yang bertanggungjawab dan berkeyakinan tinggi. Kanak-kanak sangat digalakkan untuk dilibatkan membuat kerja-kerja rumah yang sesuai dengan usia mereka.

Melatih anak agar membantu dengan kerja-kerja rumah secara tetap dapat memberi manfaat kepadanya untuk membesar sebagai orang dewasa yang berjaya. Ini kerana mereka sudah mempelajari kemahiran hidup dan kecekapan, serta lebih bertanggungjawab dalam aspek-aspek lain dalam kehidupannya.

Dayang Nora Salfarina binti Awang Haji Mohd. Ali, seorang ibu kepada empat orang anak mengongsikan pengalamannya berkata memandangkan beliau tidak mempunyai pembantu rumah, segala kerja rumah dilaksanakan sendiri sesama keluarga dengan cara berbahagi tugas. Ketika kecil, anak-anak beliau suka membasuh pinggan dan selaku indung mereka tidak melarangnya namun perlu diawasi terutama bagi pinggan mangkuk yang mudah pecah.

Melatih anak-anak bukan sahaja tugas seorang ibu malah penglibatan seorang ayah juga banyak membantu memberi semangat kepada anak-anak untuk terus melakukan kerja rumah. Menurutnya, anak-anak beliau juga sudah mula menyeterika baju sendiri bermula usia tujuh ke lapan tahun.

Semua ini katanya, mesti dilatih sejak kecil. Antara yang boleh dilatih seperti membuang

sisa makanan ke dalam tong sampah selepas makan dan meletakkan pinggan di sink.

Selain itu sambil menonton televisyen, ketika beliau melipat pakaian dan anak-anak juga akan ikut sama.

Ditanya mengenai kesempurnaan menyelesaikan tugas, beliau menjelaskan sememangnya ada masanya kita tidak berpuas hati dengan hasil kerja anak-anak namun kita perlu ingat mereka masih lagi dalam proses belajar.

Contohnya apabila mereka melipat pakaian tidak menepati seperti yang kita kehendaki, tidak mengapa. Beri mereka pujian dahulu, betulkan semula tanpa pengetahuan mereka, akan datang tunjukkan lagi dan minta mereka ikut seperti yang ditunjukkan.

Begitu juga seperti kerja-kerja mencuci pinggan mangkuk, sekiranya pinggan mangkuk itu belum lagi bersih sepertimana yang kita kehendaki, tidak mengapa. Akan datang, bersama dengan anak-anak kita cuci lagi bersama-sama dan tunjukkan lagi cara yang betul.

"Proses seperti ini penting agar mereka tidak berputus asa. Janganlah kita mengharapkan kesempurnaan yang tinggi kerana anak-anak kita masih dalam proses belajar dan janganlah kita mengharapkan kerja mereka akan terus bagus. Semua ini dipelajari secara perlahan," ujarnya.

### Konsisten

Agar ia kekal konsisten, sebaiknya pastikan

anak yang ditugaskan itu menyempurnakan kerjanya dan jangan lakukan kerja rumah tersebut untuk mereka, jika tidak, dia akan berfikir bahawa orang lain akan melakukan kerja rumahnya jika dia tidak melakukannya.

Selain itu memberi arahan juga hendaklah lebih terarah misalnya jika kita menghendaki dia membersihkan biliknya, nyatakan agar dia menyimpan pakaiannya ke dalam almari, bukunya di atas rak-rak, dan simpan balik permainan di tempat asalnya.

Kita juga disaran untuk menunjukkan bagaimana kita mahu dia lakukan kerja rumah langkah demi langkah, kemudian berikan dia peluang melakukannya. Bagi sebarang kerja yang baharu, kita hendaklah sentiasa membantu mereka. Di peringkat permulaan, kita mungkin perlu menyelia buat beberapa kali, tetapi apabila dia sudah dapat melakukannya dengan betul, kita tidak perlu mengawasinya lagi.

Selain itu beri pujian apabila mereka melakukan kerja dengan baik. Untuk permulaan, kita fokus kepada proses dan bukan kualiti kerja. Pujian dan penghargaan terhadap usahanya akan membantu anak-anak berasa bahawa dia memberi sumbangan yang penting kepada keluarga. Ini adalah langkah dalam memberi galakan terhadap usaha-usaha mereka.

### Belajar secara perlahan

Bagi ibu bapa yang tidak mempunyai pembantu rumah, mereka boleh cuba untuk menjadikan kerja rumah sebagai suatu aktiviti yang menyeronokkan. Berikan

anak awda galakkan dengan komen-komen positif sebagai motivasi.

Bersama berganding bahu mengerjakan kerja-kerja rumah lebih menyeronokkan dan kurang membebankan. Oleh tu jika ada kegagalan melaksanakan kerja yang ditugaskan kepada mereka, janganlah mereka dipersalahkan hingga mereka berasa tidak lagi mahu melakukannya. Mendesak anak untuk melakukan kerja rumah dengan sempurna akan mematahkan semangatnya, dan boleh menjadikan kerja rumah satu tanggungjawab yang cuba dielakkan.

Perlu diingatkan juga agar tidak menggunakan kerja rumah sebagai hukuman. Ini kerana ia boleh menyebabkan kesan negatif kerana akan membuat anak awda berasa marah dan atau benci akan kerja rumahnya.

Adalah penting bagi kita untuk menerapkan kefahaman bahawa kerja rumah itu sebagai satu tanggungjawab dan juga untuk mengajar anak-anak kemahiran kerja rumah yang mudah. Oleh itu, sebaiknya kita tidak digalakkan memberi upah kepada mereka untuk membuat kerja rumah.

Jika diberi upah, fokus anak-anak adalah terhadap bayaran dan bukan sumbangannya kepada keluarga. Ini akan mengajar mereka satu pengajaran yang negatif kerana dia tidak memahami tujuan melakukan kerja rumah.

Melatih anak-anak melaksanakan kerja rumah banyak kebaikannya. Jika tidak dilatih awal, ditakuti anak menjadi raja di rumah dan sudahnya ibu bapa yang akan mengerjakan sendiri.





# KONSULAT MALAYSIA RANCANG PROGRAM PKS DI PONTIANAK

JAKARTA, 27 April. - Konsulat Malaysia di Pontianak merancang untuk mengadakan program komprehensif bagi mengembangkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Kuching, Sarawak dan Pontianak, Kalimantan Barat, Indonesia. Program itu termasuk pameran, seminar dan dialog dijangka akan diadakan pada bulan Julai atau Ogos tahun ini.

Menurut Konsul Malaysia di

Pontianak, Azizul Zekri Abd Rahimi, inisiatif itu merupakan satu usaha bersama antara pihaknya dengan Pejabat Datuk Bandar Pontianak di Kalimantan Barat.

"Perbincangan berkisar mengenai peluang kerjasama baharu dan membentangkan rancangan pelaksanaan Program Pengembangan PKS dari Malaysia dan Kalimantan Barat dengan (memberi) penekanan khusus kepada usahawan PKS dari

Kuching dan Pontianak," katanya kepada Bernama.

Pada Rabu, beliau mengadakan kunjungan hormat ke atas Pemangku Datuk Bandar Ani Sofian. Ia merupakan pertemuan rasmi pertama mereka sekali gus membuka lembaran baharu untuk mengeratkan hubungan dua hala.

Program komprehensif itu termasuk pameran produk PKS, daripada makanan hingga kraftangan serta seminar dan dialog

untuk memperkukuh penajaan pendapatan dan memupuk kerjasama usahawan yang erat.

Inisiatif yang disokong Ani Sofian bakal memperkukuh pertumbuhan PKS dan meningkatkan hubungan dua hala Malaysia dan Indonesia, khususnya Kalimantan Barat dan Sarawak.

Azizul Zekri yakin program yang diterajui Konsulat Malaysia

akan menjadi pemangkin kepada usahawan PKS secara konsisten untuk meningkatkan kualiti produk dan meluaskan jangkauan pasaran.

"Adalah diharapkan dengan pelaksanaan inisiatif ini, lebih banyak peluang kerjasama ekonomi dapat diwujudkan, seterusnya menjadi salah satu sumber meningkatkan pendapatan usahawan di Sarawak dan Kalimantan Barat," katanya. - ©BERNAMA

## PM Lee akan hadir Permukiman Pemimpin Singapura-Indonesia di Bogor

SINGAPURA, 27 April. - Perdana Menteri Singapura Lee Hsien Loong akan melawat Bogor, Indonesia pada 29 April ini untuk menghadiri Permukiman Pemimpin Singapura-Indonesia yang dihoskan oleh Presiden Joko Widodo, menurut Pejabat Perdana Menteri (PMO).

Ini merupakan permukiman ketujuh dihadiri Lee dan Permukiman Pemimpin terakhir dengan Joko Widodo yang lebih dikenali sebagai Jokowi.

Lee akan melepaskan jawatannya pada 15 Mei ini sementara Jokowi akan mengakhiri penggal pentadbirannya pada Oktober.

Pada permukiman itu, kedua-dua pemimpin itu akan menilai kembali kemajuan penting yang dicapai dalam kerjasama dua hala dalam

penggal masing-masing, termasuk tiga perjanjian yang berkuat kuasa pada Mac tahun ini di bawah kerangka kerja yang dikembangkan selain daripada menyemak semula kemajuan diperoleh dalam bidang seperti pertahanan, ekonomi digital dan kemampunan.

"Singapura dan Indonesia juga telah mencapai kemajuan dalam kerjasama dua hala dalam pelbagai bidang lain yang meluas termasuk pertahanan, perdagangan dan pelaburan serta kerjasama kewangan.

Semasa pandemik COVID-19 kedua-dua belah pihak juga mengukuhkan kerjasama dalam penjagaan kesihatan," kata PMO dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Lee akan diiringi beberapa menteri termasuk Timbalan

Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Lawrence Wong, yang dinamakan sebagai pengganti Lee.

Turut tersenarai dalam delegasi itu ialah Menteri Kanan dan Menteri Penyelaras untuk Keselamatan Negara Teo Chee Hean, Menteri Pertahanan Dr Ng Eng Hen, Menteri Luar Dr Vivian Balakrishnan dan Menteri Pendidikan Chan Chun Sing.

Lain-lain menteri yang menyertai delegasi itu ialah Menteri Pembangunan Sosial dan Keluarga, Menteri Kedua Kesihatan dan Menteri Bertanggungjawab bagi Ekwil Masyarakat Islam, Masagos Zulkifli; Menteri Kesihatan Ong Ye Kung dan Menteri Tenaga Manusia dan Menteri Kedua Perdagangan dan Industri Dr Tan See Leng. - ©BERNAMA

## Misi Gaza Freedom Flotilla ditangguhkan, peserta dinasihati pulang

ISTANBUL, 27 April. - Suasana hiba menyelubungi dewan makan Hotel Tugra selepas semua peserta dinasihati untuk pulang ke negara masing-masing selepas Republik Guinea Bissau menarik semula kebenaran menggunakan bendera mereka di atas kapal utama Akdeniz (Mediterranean).

Perkara itu dimaklumkan Ahli Jawatankuasa Pemandu Freedom Flotilla Coalition (FFC), Ann Wright dalam pertemuan bersama semua delegasi di Fatih, Istanbul pada petang Jumaat.

"Kami telah putuskan adalah terbaik untuk kami katakan, pendaftaran bendera baru ke atas kapal tidak akan dapat diperoleh dalam masa terdekat.

Dukacita juga kami terpaksa meminta semua peserta pulang," katanya.

Pada Khamis, FFC dalam satu kenyataan menyatakan Israel memberi tekanan kepada Republik Guinea Bissau supaya menarik balik pendaftaran atau lesen daripada kapal utama itu.

Ini, menurut FFC, mencetuskan satu permintaan untuk pemeriksaan tambahan, ini dari negara kapal itu didaftarkan, yang menangguhkan pelayaran pada 26 April seperti yang dirancang.

Penundaan kali ketiga ini memberi kesan yang cukup mendalam dengan suara tangisan memecah keheningan di dewan makan hotel.

Tindakan negara republik itu yang akur dengan kehendak Israel memberi implikasi yang cukup mendalam mengakibatkan kapal penumpang Akdeniz tidak boleh memulakan pelayaran kerana mengikut undang-undang, setiap kapal yang memasuki perairan antarabangsa perlu mengibarkan bendera negara kapal itu didaftarkan sepanjang pelayaran.

Kapal kargo yang membawa bantuan kemanusiaan mendesak ke Gaza dengan kapasiti 5,000 tan yang didaftarkan dengan negara yang sama juga menghadapi perkara sama dan terpaksa pulang semula ke pelabuhan di Turkiye.

Wright juga memaklumkan, semua delegasi yang terlibat akan dipanggil semula dan akan diletakkan dalam senarai nama utama untuk mengikuti pelayaran flotilla kali kedua nanti.

"Selepas sahaja kami uruskan semua perkara, persiapan pelabuhan dan pendaftaran bendera untuk kapal, anda semua akan menjadi senarai terawal dipanggil semula," tambahnya.

Ketika ini, 18 warga Malaysia menyertai masyarakat awam antarabangsa melakukan pelayaran menaiki flotilla untuk menyampaikan bantuan kemanusiaan ke Semenanjung Gaza melalui jalan laut berikutan situasi kemanusiaan yang teruk di rantau itu.

Pengerusi Humanitarian Care Malaysia Berhad (MyCARE) Datuk Seri Dr Kamal Nasaruddin Mustapha dalam sidang media sebelum ini berkata 18 warga Malaysia itu terdiri daripada doktor, aktivis kemanusiaan dan pengamal media.

Antara pengamal media Malaysia yang menyertai flotilla itu ialah penulis yang juga wartawan penyiaran daripada Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) Muhammad Hafizuddin Mohd Yusof dan jurukamera Bernama TV Mohammad Nulhakim Jailan.

Aktivis dari 30 negara termasuk Malaysia itu kini berkumpul di Istanbul sejak 18 April untuk persiapan akhir sempena misi "Break the Siege: Freedom Flotilla Mission to Gaza 2024" itu.

Tarikh pelayaran asal pada 21 April, ia kemudian ditunda dua kali kepada 24 April dan 26 April. - ©BERNAMA

## Pulau Pinang mahu perbanyak kedai makan mesra Muslim, perkasa industri pelancongan

GEORGE TOWN, 27 April. - Kerajaan Pulau Pinang berhasrat memperbanyakkan kemudahan terutama kedai makan mesra Muslim bagi memperkasakan lagi industri pelancongan di negeri ini. Ketua Menteri Chow Kon Yeow berkata pihaknya melihat Pulau Pinang berpotensi tinggi dalam pasaran Muslim bagi pelancongan domestik dan antarabangsa.

"Hari ini, banyak pakej pelancongan mesra Muslim dipromosikan dan selaku kerajaan negeri saya melihat kita ada potensi tinggi dalam pasaran Muslim, namun, kita perlu memastikan mempunyai fasiliti secukupnya yang patuh syariah untuk memenuhi peningkatan pelancong Muslim.

"Makanan sentiasa menjadi

perkara yang paling diambil berat kerana kebanyakan pelancong datang ke sini untuk makan dan kita pula tak ada cukup outlet makanan (mesra Muslim)," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada sidang media selepas merasmikan Pameran Persatuan Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA Fair) Penang 2024 di Setia Spice Arena, di sini, hari ini.

Chow berkata lebih banyak kedai makan dengan kepelbagaian pilihan serta kemudahan yang lebih selesa perlu diperbanyakkan bagi meningkatkan kedatangan pelancong sekali gus merancakkan lagi ekonomi negeri.

Sementara itu, Pengerusi MATTA Pulau Pinang Carolyn Leong berkata pameran kali ini

menyasarkan RM35 juta nilai jualan menerusi penawaran pelbagai pilihan pakej pelancongan ke destinasi antarabangsa dan domestik, selain penyertaan beberapa ejen yang menawarkan pakej umrah.

"Kita juga berterima kasih kepada kerajaan negeri kerana usaha mereka membolehkan banyak pakej ditawarkan dengan penerbangan terus dari Pulau Pinang ke destinasi pilihan, sekali gus mengurangkan kesulitan pengembara kerana tidak perlu lagi ke Kuala Lumpur untuk menaiki penerbangan," katanya.

Beliau turut menjangkakan kehadiran 40,000 pengunjung dari negeri-negeri di utara tanah air pada pameran dua hari itu. - ©BERNAMA

## Malaysia seru pihak terlibat supaya bertenang dan minta siasatan dijalankan terhadap isu kemanusiaan di Gaza

KUALA LUMPUR, 26 April. - Malaysia menyeru kepada semua pihak yang terlibat supaya bertenang dan menghentikan tindakan provokatif yang boleh memburukkan lagi konflik di rantau Timur Tengah.

Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York, Datuk Dr. Ahmad Faisal Muhamad berkata: "Malaysia amat bimbang dengan meningkatnya ketegangan di Timur Tengah. Kami menyeru semua pihak supaya menghentikan semua tindakan yang provokatif dan bersikap permusuhan.

Semasa menyampaikan kenyataan Malaysia dalam Debat

Terbuka mengenai keadaan di Timur Tengah, termasuk Persoalan Mengenai Palestin di New York pada Khamis (25 April), Ahmad Faisal mengetengahkan kesan ketara serangan Israel yang berterusan selama 200 hari yang membawa kepada akibat malapetaka kemanusiaan yang tidak pernah berlaku sebelum ini.

"Sebagai contoh, kami rasa amat terkejut dengan kemusnahan Hospital Nasser dan Al Shifa dan penemuan kubur besar di perkarangan hospital berkenaan.

Kami minta siasatan antarabangsa yang bebas, menyeluruh dan telus," katanya.

Malaysia juga mengkritik Israel

kerana tidak mematuhi undang-undang antarabangsa dan resolusi PBB, terutamanya Resolusi 2728 (2024) yang meminta Israel supaya segera menghentikan serangannya ke atas Gaza dan menarik balik sekatan terhadap bantuan antarabangsa.

Ahmad Faisal juga mengecam rancangan operasi tentera Israel di Rafah dan memberi amaran akibat buruk jika serangan itu diteruskan.

Beliau juga menyeru rayuan kepada Majlis Keselamatan dengan berkata: "Kebebasan daripada hukuman yang sekian lama dinikmati Israel telah menyebabkan ia berani untuk bertindak dengan melulu. Ini perlu dihentikan."

"Majlis ini mesti bertindak dengan tegas untuk menguatkuasakan pematuhan di pihak Israel kerana akibatnya boleh menjadi sangat berbahaya, bukan hanya kepada rantau ini tetapi juga dunia," katanya.

Wakil Malaysia itu juga menggariskan langkah tertentu untuk mengendurkan situasi tegang berkenaan, termasuk satu gencatan senjata yang berterusan dan berkekalan serta penghantaran bantuan kemanusiaan.

Sokongan kepada Agensi Kerja dan Bantuan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian Palestin (UNRWA) juga antara inti pati yang Ahmad Faisal gambarkan peranan UNRWA sebagai "

tiada galang gantinya dan amat diperlukan."

"Fungsi UNRWA sebagai agensi pembangunan insan utama untuk pelarian Palestin perlu diteruskan dan disokong.

Malaysia mengalu-alukan laporan akhir Kumpulan Semakan Semula Bebas yang memaklumi terdapat prosedur dan mekanisme yang meluas sedia ada dalam UNRWA, bagi memastikan ia neutral.

Kami juga mengalu-alukan komitmen UNRWA untuk melaksanakan syor yang diberikan mengikut kemampuan terbaik mereka. Sumber yang mencukupi perlu diagihkan kepada UNRWA ke arah usaha ini," katanya. - ©BERNAMA



# GEMPA BUMI DENGAN MAGNITUD 6.2 LANDA JAWA BARAT, EMPAT CEDERA

JAKARTA, 28 April. - Sekurang-kurangnya empat orang cedera dan 27 keluarga lagi terkesan selepas satu gempa bumi dengan magnitud 6.2 melanda Daerah Garut di Jawa Barat pada pukul 11.29 pagi waktu tempatan, Ahad.

Badan Nasional Penanggulangan Bencana (BNPB) Indonesia melaporkan Tasikmalaya merupakan kawasan yang paling

terkesan dilanda gempa bumi dengan 13 keluarga terjejas, diikuti Garut dengan empat keluarga terkesan.

Jurucakap Abdul Muhairi berkata pusat gempa ialah di pantai barat daya Pulau Jawa dengan kedalaman 70 kilometer (km), kira-kira 156 km barat daya Garut mengakibatkan kerosakan kepada 27 kediaman dan bangunan-

bangunan lain.

"Badan Penanggulangan Bencana Daerah (BPBD) Sumedang dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan telah mendirikan khemah di medan parkir Hospital Sumedang sebagai persediaan untuk gegar penghujung," katanya dalam satu kenyataan.

Saluran berita tempatan melaporkan ramai yang panik dan

mengosongkan rumah masing-masing untuk keselamatan semasa gempa bumi itu.

Agensi geografi negara, Badan Meteorologi, Klimatologi, Geofisika (BMKG) merakamkan pelbagai tahap gegaran di beberapa wilayah termasuk, Sukabumi, Bandung, Tangerang, Tangerang Selatan, Bogor, Jakarta, Kebumen, Banyumas, Cilacap,

Bantul, Sleman, Kulonprogo dan Trenggalek.

Ketua Pusat Gempa Bumi dan Tsunami BMKG Dr Daryono berkata gempa bumi itu berlaku akibat pergerakan dalam plat Indo-Australia di bawah plat Eurasia, atau dikenali sebagai gempa bumi kepingan dalaman. - ©BERNAMA

## Tiga maut, enam cedera dalam insiden tanah runtuh di Sulawesi Selatan, Indonesia

JAKARTA, 28 April. - Tiga maut dan enam lagi cedera dalam kejadian tanah runtuh di Toraja Utara, Sulawesi Selatan, menurut Badan Nasional Penanggulangan Bencana (BNPB) Indonesia.

Jurucakapnya Abdul Muhairi berkata kejadian tanah runtuh itu berlaku dua kali di Kampung Tallang Sura, Daerah Kecil Buntao, pagi Jumaat lepas berikutan hujan lebat dan keadaan tanah yang tidak stabil.

Insiden itu mengakibatkan kerosakan teruk kepada sebuah rumah, menjejaskan yang lain dan laluan jalan raya terputus sementara enam keluarga dipindahkan.

"Pasukan penyelamat tempatan menangguhkan pencarian pada Sabtu. Jalan berjaya dibuka semula untuk kenderaan dua dan empat roda," kata Abdul Muhairi dalam satu kenyataan.

Beliau menasihatkan penduduk di Daerah Kecil Buntao supaya sentiasa berwaspada kerana keretakan besar telah dikesan di bahagian atas kawasan tanah runtuh, memberi isyarat potensi berlakunya lagi tanah runtuh.

Abdul Muhairi menggesa penduduk di kawasan cerun yang curam di Sulawesi Utara dan Selatan supaya segera berpindah jika hujan lebat berterusan lebih dari sejam.

Pada 13 April, sekurang-kurangnya 18 orang maut dalam insiden sama yang berlaku di dua kampung dalam Daerah Kecil Makale, Daerah Tanah Toraja, Sulawesi Selatan. - ©BERNAMA

## Lelaki rugi lebih RM13,000 terperdaya tawaran kerja dalam talian

KUALA TERENGGANU, 28 April. - Seorang lelaki berputih mata apabila wangnya berjumlah RM13,460 lesap setelah menjadi mangsa penipuan tawaran kerja.

Ketua Polis Terengganu, Datuk Mazli Mazlan berkata kertas siasatan membabitkan mangsa yang berusia 50 tahun dan bekerja sendiri itu telah dibuka pada 21 April lepas.

"Mangsa mendakwa telah menerima mesej menerusi aplikasi WhatsApp daripada satu nombor yang tidak dikenali menawarkan peluang kerja secara dalam talian dengan cara like (suka) dan subscribe (langgan) video menerusi YouTube dan akan mendapat bayaran yang menarik.

"Mangsa pada awalnya diberikan tugas pertama hingga ketiga dan menerima bayaran yang dijanjikan iaitu RM15 untuk setiap tugas. Mangsa yang yakin, ingin meneruskan tugas lain dengan pulangan yang lebih besar memandangkan bagi tugas keempat dan kelima, dia ditawarkan bayaran RM20," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata untuk mendapatkan RM20 itu, mangsa dikenakan syarat perlu menyelesaikan tugas keenam untuk membolehkannya menerima pulangan lebih besar sebanyak RM130.

"Mangsa, bagaimanapun perlu menandatangani wang pendahuluan dengan menggunakan wang sendiri berjumlah RM100. Setelah menerima bayaran hingga tugas kesembilan, mangsa lebih yakin untuk meneruskan tugas ke-10 hingga 12, namun perlu menandatangani RM300 ke akaun dibekalkan scammer untuk menerima bayaran RM390.

Mangsa yang tidak mengesyaki sebarang penipuan selain ingin mencari wang tambahan untuk persiapan Aidilfitri telah membuat transaksi sebanyak RM1,000 setelah dijanjikan pulangan RM1,300.

Mazli berkata mangsa mula rasa diperdaya apabila gagal mendapatkan pulangan wang selepas memindahkan RM4,860 atas cubaan 'memperbetulkan' kesilapannya pada tugas ke-18, dan kerana ingin mendapatkan semula wangnya, mangsa melakukan tugas lain dan perlu menandatangani RM17,200.

Akibat kekurangan wang, beliau berkata mangsa meminjam daripada ahli keluarga dan mengumpul RM7,200, namun setelah melakukan transaksi dia dimaklumkan pengeluaran tidak dapat dikreditkan ke dalam akaunnya kerana gagal melaksanakan tugas yang diberikan.

"Sebaliknya, mangsa perlu membuat bayaran lagi dan mengakitkannya rugi hingga berjumlah RM13,460," katanya. - ©BERNAMA

## Empat maut diserang gajah liar di Assam India

NEW DELHI, 28 April. - Sekurang-kurangnya empat orang termasuk pegawai perhutanan maut diserang seekor gajah liar di negeri Assam, timur laut India, lapor Xinhua yang memetik laporan media tempatan.

Insiden itu berlaku di Dhiraimajuli, Daerah Sonitpur, kira-kira 147 kilometer timur laut

Dispur, ibu negeri Assam.

"Seorang individu maut selepas diserang gajah liar itu selepas dia keluar dari rumah pada lewat malam untuk membuang air sementara seorang lagi mati selepas cuba mengusir haiwan itu," kata Pegawai Perhutanan Daerah Pirai Sudhan. "Gajah liar itu kemudian

memijak dua pegawai perhutanan yang sedang meronda di kawasan berkenaan sehingga mati," katanya.

Pegawai Perhutanan Daerah juga mengeluarkan amaran dan petugas bergegas ke kawasan itu untuk meningkatkan lagi rondaan dan mengawal gajah berkenaan. - ©BERNAMA

## Kemarau : Beting pasir seluas padang bola timbul di Sungai Kelantan

KUALA KRAI, 28 April. - Paras air Sungai Kelantan menyusut hingga menampakkan beting pasir seluas padang bola di tengah-tengah sungai berkenaan berikutan musim kemarau yang melanda negeri itu.

Tinjauan Bernama ke Tangga Krai beting pasir mula timbul sejak sebulan lepas dan kini semakin jelas kelihatan, malah berdasarkan laman web Jabatan Pengairan dan Saliran Kelantan paras air sungai di kawasan itu berada di paras 15.67 meter (m) berbanding paras normal 17m.

Penduduk kampung, Mohd Rafizi Abdullah, 37, berkata beting pasir tersebut mula kelihatan sejak pertengahan Ramadan lepas dan saiznya semakin besar dari sehari ke sehari.

Dia yang mengusahakan Kedai Kopi Mambong di rumah rakit di sungai itu, berkata orang ramai yang singgah di kedainya kebanyakan tertarik dan berasa pelik dengan

fenomena tersebut, malah ada yang mengambil kesempatan berjalan kaki ke tengah sungai dan bergambar.

"Di bahagian tebing paras air hanya setinggi paha orang dewasa dan semakin lama berjalan ke tengah sungai parasnya semakin tohor," katanya kepada Bernama hari ini.

Menurutnya keadaan itu sebenarnya menyukarkan bot yang berulang-alik terutama dari Kampung Keluat dan Taku kerana perlu mengambil jarak jauh sedikit sekiranya mahu menyeberangi sungai bagi mengelak beting pasir.

Mohd Rafizi berkata pemandangan di sungai itu juga akan lebih menarik apabila air sungai jernih tetapi ada kalanya keruh kerana hujan di bahagian hulu sungai.

Dia yang turut menyediakan perkhidmatan bot ke Kampung Mambong, berkata bagi menarik

kedatangan lebih ramai pengunjung dia ada membuat sewaan kayak jika ada yang berminat.

Difahamkan keluasan Sungai Kelantan antara Tangga Krai ke Kampung Keluat dianggarkan sejauh 300 meter.

Bagi Firdaus Mohd Zain, 22, pula fenomena air surut itu sedikit sebanyak membuatkan kedai makan di atas rumah rakit miliknya semakin ramai pengunjung.

Menurutnya kini penduduk dari luar daerah turut datang ke kedai kerana selain mahu menikmati juadah kampung berlauk ikan sungai mereka juga mahu melihat fenomena pasir timbul.

"Ada yang membayar bot semata-mata mahu pergi ke tengah sungai untuk melihat lebih dekat. Bagi yang mahu merasai pengalaman bermain air dan pasir sungai sambil mencari etak bolehlah datang ke sini," katanya. - ©BERNAMA

## Harumanis antara tarikan utama Agrofesta 2024

KUALA LUMPUR, 28 April. - Produk pertanian yang sinonim dengan Perlis, mangga harumanis dan produk makanan berasaskan mangga antara tarikan utama pada penganjuran Agrofesta 2024 yang berlangsung di sebuah pasar raya di sini.

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) memaklumkan lapan tan metrik harumanis dibawa khas dari Perlis sempena penganjuran program itu, selain produk industri makanan dan asas tani (IMAT) seperti aiskrim, tart dan pulut harumanis, coklat mangga serta mango shake.

"Agrofesta 2024 menyediakan 30 lot jualan yang memberi manfaat kepada 17 usahawan. Program ini menyasarkan kehadiran pengunjung seramai 25,000 orang dengan nilai jualan usahawan sebanyak RM500,000 selama tiga hari," menurut FAMA menerusi kenyataan di sini hari ini.

Majlis Perasmian Agrofesta 2024 telah disempurnakan Ketua

Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Lokman Hakim Ali dan turut hadir ialah Pengerusi FAMA, Aminuddin Zulkipri serta Ketua Pengarah FAMA, Abdul Rashid Bahri.

Selain harumanis, program yang berlangsung di AEON Alpha Angle Wangsa Maju selama tiga hari bermula Jumaat lepas, turut mengetengahkan produk pertanian lain seperti Mangga Sala, Pomelo, Nangka Madu (J33), Jagung Manis dan Pulasan.

Penganjuran Agrofesta 2024 yang menyediakan platform pasaran dan promosi kepada produk pertanian tempatan adalah selaras dengan peranan FAMA selaku agensi peneraju utama pemasaran produk agromakanan, selain memperluaskan saiz pasaran bagi memastikan produk pertanian dan IMAT mudah diperoleh.

"Agrofesta 2024 juga merupakan platform bagi memberi pendedahan kepada usahawan

ke arah mempertingkatkan tahap keusahawanan dan daya saing serta menarik minat usahawan muda menceburi bidang pemasaran berasaskan pertanian.

"Walaupun trend usahawan hari ini lebih ke arah pendigitalan, program jualan dan promosi secara fizikal atau secara langsung juga tidak dinafikan mampu memberikan impak lebih tinggi dari segi penerimaan dan keyakinan pelanggan kerana boleh berkomunikasi terus dengan usahawan," menurut kenyataan itu.

Program kali ini turut menawarkan baucar sebanyak RM11,000 kepada pengguna aplikasi platform Agrobazaar Online yang boleh menebus baucar bernilai RM10 bagi setiap pembelian berjumlah RM30 ke atas.

Pelbagai aktiviti dan hadiah menarik juga disediakan seperti persembahan kumpulan busker, kahoot games, teka jenis buah, kuiz dan pertandingan mewarna kanak-kanak. - ©BERNAMA



## FABD PRIHATIN TERHADAP KELUARGA PEMAIN BOLA SEPAK KEBANGSAAN

**Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 27 April. - Presiden Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), Awang Haji Feisal bin Haji Mohd. Eusoff menziarahi Awang Said bin Haji Ahmad yang kini terlantar menghidap penyakit strok sejak setahun yang lalu. Awang Said yang berusia 60 tahun merupakan ayah kepada tiga adik-beradik pemain bola sepak pasukan kebangsaan negara.

"Saya mewakili FABD merasakan terharu dengan jasa yang disumbangkan oleh beliau (Awang Said) yang telah banyak memberi dorongan dan suntikan semangat kepada anak-anaknya yang beraksi mewakili skuad kebangsaan," jelas Awang Haji Feisal.

Menurutnya lagi, banyak aspek pengorbanan yang telah Awang Said

berikan kepada anak-anak beliau iaitu Mohd. Shahrizen, Adi dan Hakeme sehingga mereka menyerlah sebagai pemain bola sepak pada peringkat kebangsaan.

Presiden FABD itu berharap agar keluarga mereka bersabar menanggapi ujian yang pasti mempunyai hikmah yang sangat besar. Sementara itu, Adi Said melahirkan rasa terima kasih atas keprihatinan Presiden FABD yang meluangkan masa menziarahi ayahnya.

"Kami sekeluarga menghargai dan berterima kasih atas sumbangan yang telah diberikan daripada pihak FABD sekali gus ia sebagai penyuntik semangat kami untuk meneruskan dan mencurahkan bakti kepada kemajuan bola sepak tanah air," ujarnya.

Hadir menyertai Presiden FABD ialah Ahli Jawatankuasa Eksekutif FABD, Pengiran Jufry bin Pengiran Haji Jaludin dan Pemangku Setiausaha Agung FABD, Awang Haji Matali bin Haji Md. Tahir.



**PRESIDEN** Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), Awang Haji Feisal bin Haji Mohd. Eusoff menziarahi Awang Said bin Haji Ahmad semasa menyampaikan sumbangan kepada penerima.

## Lampakuraan 'A' juara Kejohanan Bola Sepak Lima Orang Sepasukan



**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**

**Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Ukong**

**TUTONG**, Ahad, 28 April. - Lampakuraan 'A' muncul juara setelah menewaskan KLJB dengan jaringan 2 - 1 pada

Kejohanan Bola Sepak Lima Orang Sepasukan Kampung Ukong Tahun 2024 yang berlangsung pada petang tadi.

Kejohanan yang diadakan di padang Sekolah Rendah Dato Pemancha Saging Ukong berkenaan dihadiri oleh Dato Jocklin Kongpau dan isteri selaku tetamu kehormat majlis.

Turut hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat

**YANG** Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir pada Kejohanan Bola Sepak Lima Orang Sepasukan Kampung Ukong Tahun 2024 dan seterusnya bergambar ramai.

Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub selaku Penghulu Mukim Ukong.

Sebanyak 16 pasukan dari Kampung Ukong menyertai kejohanan berkenaan.

Adapun syarat perlawanan peringkat awal adalah secara liga, iaitu 16 pasukan dibahagikan kepada empat kumpulan; dan pada sesi kedua perlawanan pula lapan pasukan telah berlawan secara kalah mati.

Tujuan kejohanan berkenaan diadakan adalah bagi mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan penduduk kampung berkenaan.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

**MANFAAT ZIKIR MEMPERKUAT HUBUNGAN DENGAN ALLAH**